

Jilid I
Bil. 33



Hari Jumaat
26hb November, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4211]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Jadual: •

Maksud B. 49 dan B. 50 [Ruangan 4242]

Maksud B. 51 hingga B. 57 [Ruangan 4277]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Maksud P. 49 dan P. 50 [Ruangan 4242]

Maksud P. 51 hingga P. 57 [Ruangan 4247]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S., (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei
Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N., (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG, (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK, (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR, (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM, (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LIING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim—Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S, A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO' HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).

„ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
„ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong
Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 26hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-
pengurusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PROJEK PERUMAHAN AWAM DI
KAMPUNG BARU**

1. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sehingga hari ini berapa projek perumahan awam telah dilaksanakan di dalam atau di sekeliling kampung-kampung baru.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 36 buah projek perumahan awam sedang dilaksanakan di dalam atau di sekeliling kampung baru seluruh Malaysia yang melibatkan sebanyak 7,913 unit.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah penduduk-penduduk kampung baru diberi keutamaan dalam permohonan untuk mendapatkan rumah-rumah yang dibina itu dan jika ya, nyatakan jumlah unit rumah yang telah diperuntukkan kepada mereka setakat ini.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang Dipertua, semua penduduk-penduduk di kampung-kampung baru yang layak boleh memohon rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan di dalam rancangan perumahan awam kos rendah dan seperti saya katakan tadi semua projek sedang dilaksanakan.

**TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR-
PELAJAR PERSENDIRIAN
MALAYSIA DI UNITED
KINGDOM**

2. Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Plah minta Menteri Pelajaran menyatakan benarkah Kerajaan telah menubuhkan Tabung Kebajikan Pelajar-pelajar Persendirian Malaysia di United Kingdom. Jika ya, menyatakan:

- (a) apakah tujuan Tabung itu ditubuhkan;
- (b) siapakah yang mengendalikan Tabung itu dan bagaimana struktur organisasi yang mentadbirkan Tabung yang tersebut; dan
- (c) adakah Tabung yang seumpama itu akan diperluaskan ke lain-lain negara di mana terdapat pelajar-pelajar Malaysia.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, ya. Nama Tabung itu yang sebenarnya ialah Akaun Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi keperluan kebajikan, kemudahan dan pinjaman kepada pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut. Penubuhannya telah direstui oleh Dewan yang mulia ini pada 7hb April, 1981.

Jawapan kepada (a) Ada banyak tujuan kenapa Tabung ini ditubuhkan. Pada amnya ianya ditubuhkan untuk memberi bantuan kepada penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut dan persatuan-persatuan, kelab-kelab dan pertubuhan yang mana keahliannya terbuka khusus kepada penuntut-penuntut Malaysia.

Jawapan kepada (b) Di negara-negara yang mempunyai Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia seperti United Kingdom, Tabung ini dikendalikan oleh Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia atau seorang pegawai yang dilantik olehnya secara bertulis. Bagi negara yang tidak mempunyai Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia seperti di Jerman Barat, Tabung ini akan dikawal oleh wakil tetap Malaysia atau pegawai yang dilantik olehnya secara bertulis di negara-negara berkenaan.

Jawapan kepada (c) Penubuhan Tabung ini bukan semata-mata untuk pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom sahaja tetapi untuk pelajar-pelajar kita yang bertempat di lain-lain negara juga.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang Dipertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sejauh ini berapa ramaikah penuntut-penuntut kita yang telah memohon dan mendapat faedah daripada rancangan ini dan berapakah nilai daripada segi wang yang telah diberikan pinjaman kepada penuntut-penuntut?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya ingin menerangkan sedikit bahawa Tabung ini di United Kingdom telah dimulakan sejak tahun 1980 dan di negara-negara lain kita mulakan pada tahun 1982. Saya boleh memberi

angka yang telah kita keluarkan bagi United Kingdom. Pinjaman yang telah dikeluarkan sejak tahun 1980 ialah:

Tahun 1980		\$426,695
Tahun 1981		\$834,000
Tahun 1982		\$850,000

Saya ingin juga memberikan bilangan pelajar-pelajar yang telah diluluskan dan saya sebutkan sekali mengikut kaum, iaitu:

Sesi 1980/1981:

Melayu		7
Cina		133
India		40
JUMLAH:	..	180

Sesi 1981/1982:

Melayu		13
Cina		175
India		56
JUMLAH:	..	244

Sesi 1982/1983:

Melayu		14
Cina		166
India		72
JUMLAH:	..	252

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu Dewan ini angka-angka pelajar-pelajar yang mendapat kemudahan pinjaman daripada Tabung yang berkenaan. Saya ingin tahu sama ada syarat diberi kepada mereka yang mendapat pinjaman ini supaya apabila tamat pengajian kelak mereka dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, ini merupakan pinjaman dan kadangkala bantuan cara subsidi dan sebagainya. Ikatan mengenai pinjaman ini tidaklah seperti yang disyaratkan seperti pemegang-pemegang biasiswa.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berapakah faedah yang dikenakan iaitu kadar faedah (interest rate) dan apakah syarat-syarat untuk membayar balik pinjaman itu?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, ini merupakan skim pinjaman bagi pelajar-pelajar yang mungkin mengalami kesukaran dan sebagainya. Biasanya kita tidak kenakan faedah dan sebagainya.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada perangkaan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya bumiputera sangat sedikit dapat faedah daripada rancangan ini dan mengapa dan sebab apa dan apakah syarat-syarat selain daripada pemegang biasiswa yang tidak boleh dapat?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, mungkin saya perlu memberi penerangan yang panjang sedikit mengenai syarat-syarat terperinci, antaranya bolehlah saya sebutkan untuk memberi penerangan yang lebih jelas mengenai pengwujudan Tabung itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pinjaman kepada penuntut-penuntut yang diluluskan adalah mengikut keadaan dan syarat-syarat yang tertentu yang ditetapkan secara bertulis oleh Kementerian Pelajaran.

1. Pemberian tahunan kepada pertubuhan-pertubuhan pelajar yang diiktiraf mengikut kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh

Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia atau Perwakilan Tetap Malaysia di mana-mana berkenaan.

2. Subsidi untuk menganjurkan aktiviti sosial, kebudayaan, sukan dan penyelidikan di antara pelajar-pelajar dan pertubuhan-pertubuhan pelajar.

3. Belanja untuk membeli kemudahan dan kelengkapan bagi asrama-asrama dan pertubuhan-pertubuhan pelajar. Kelulusan hendaklah diperolehi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran.

4. Bantuan kepada pelajar-pelajar yang menyertai kursus dalam cuti penggal atau mengambil bahagian dalam perjumpaan dan persidangan yang dianjurkan oleh Kerajaan negara tempat mereka belajar dan lain-lain pihak yang bertanggungjawab dengan syarat khusus, perjumpaan dan persidangan itu adalah diakui oleh Perwakilan Tetap Malaysia di negara berkenaan.

5. Sumbangan atau bantuan kepada organisasi-organisasi tempatan yang memberi manfaat kepada pelajar-pelajar Malaysia yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran.

6. Bantuan kepada pelajar-pelajar yang mengalami kesusahan akibat kemalangan atau di dalam keadaan kecemasan.

7. Bantuan bagi pemulihan kesihatan atau rawatan khas untuk pelajar-pelajar yang tidak mampu dan tidak layak menerima kemudahan perubatan di bawah National Health Service negara berkenaan.

Jadi, saya tidak menyebut angka pelajar-pelajar yang menerima biasiswa-biasiswa Kerajaan yang mana jumlah besarnya adalah diberi kepada pelajar-pelajar bumiputera.

**JURURAWAT/PEGAWAI
KESIHATAN/PEMBANTU
HOSPITAL**

3. Tuan Yeoh Poh San meminta Menteri Kesihatan menyatakan dalam tempoh dua tahun yang lalu berapa ramaikah jururawat, pegawai kesihatan dan pembantu hospital yang telah diambil bekerja dalam Kementerian Kesihatan mengikut pecahan bangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' Lee Boon Peng): Tuan Yang Dipertua, bagi jawatan jururawat, seramai 525 orang Melayu, 138 orang Cina, 35 orang India dan 5 orang bangsa-bangsa lain telah diambil untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan pada tahun 1980. Seramai 418 Melayu, 131 orang Cina, 45 orang India dan 2 orang bangsa-bangsa lain telah diambil pada tahun 1981.

Bagi kategori Inspektor Kesihatan pula, Kementerian telah mengambil sejumlah 45 orang Melayu, 2 orang Cina dan 3 orang India pada tahun 1980 dan 55 orang Melayu, 7 orang Cina dan 3 orang India pada tahun 1981.

Pengambilan kategori Pembantu Hospital untuk tahun 1980 ialah 81 orang Melayu, 23 orang Cina dan 18 orang India, manakala pada tahun 1981 terdapat seramai 78 orang Melayu, 20 orang Cina dan 13 orang India.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, daripada angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan tadi pada tahun-tahun yang berkenaan—1980, 1981; saya ingin tahu sama ada pada tahun-tahun yang berkenaan pengambilan kakitangan-kakitangan itu memenuhi ataupun tidak jumlah yang sebenarnya yang dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan pada tahun-tahun yang

berkenaan. Jika tidak, adakah pihak Kementerian Kesihatan mengambil kakitangan daripada luar negeri?

Dato' Lee Boon Peng: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya cukup.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Mengapakah sedikit sangat orang-orang bukan Melayu diambil untuk dilatih sebagai Jururawat, Merinyu Kesihatan dan Pembantu Hospital?

Dato' Lee Boon Peng: Tuan Yang Dipertua, kakitangan seperti Jururawat, Pegawai Kesihatan dan Pembantu Hospital yang diambil bekerja dalam Kementerian saya mengikut jumlah pelatih yang ada di Sekolah Latihan di bawah Kementerian. Pelatih adalah dipilih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Kesihatan memberi keutamaan kepada pemohon yang berkelayakan dari luar bandar bagi jawatan Jururawat, Pembantu Hospital dan juga Pembantu Kesihatan?

Dato' Lee Boon Peng: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih kurang 60% kakitangan para medic adalah berkhidmat di luar bandar.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang diambil terhadap kakitangan hospital yang bersikap keras dan sombong terhadap pesakit-pesakit?

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu tidak berbangkit (*Ketawa*).

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, benarkah pendapat yang mengatakan bahawa kebanyakan Jururawat ataupun Pegawai-pegawai Kesihatan yang bukan bumiputera yang mendapat

latihan di luar negeri tidak ingin balik ke negeri kerana lebih suka berkhidmat di tempat mereka belajar?

Dato' Lee Boon Peng: Tuan Yang Dipertua, yang saya tahu Jururawat hanya ada menjalankan latihan di luar negeri tetapi jikalau Jururawat akan menjalankan perkhidmatan di Kementerian Kesihatan, dia mesti memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

RUMAH PANGSA DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR— PENJUALAN KEPADA PENGHUNI-PENGHUNI

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) berapa banyak permohonan yang telah diterima oleh Dewan Bandaraya pada 30-9-1982 untuk membeli rumah pangsa Kos Rendah Dewan Bandaraya di berbagai tempat dalam Kuala Lumpur dan bilakah pemohon-pemohon akan diberitahu tentang keputusan permohonan mereka;
- (b) adakah pihak berkuasa berkenaan akan mengurangkan tempoh kelayakan pembelian rumah pangsa daripada 10 tahun ke 5 tahun dan adakah Dewan Bandaraya berupaya menimbang kes-kes perseorangan yang mana pendapatan ketua keluarga melebihi \$1,000;
- (c) sama ada beliau menyedari bahawa rumah pangsa Dewan Bandaraya di seluruh Kuala Lumpur tidak disenggara dengan sempurna dan mempunyai masalah seperti kerosakan lif, saluran sampah menjadi rosak/pecah dan kemudahan api letrik yang tidak sempurna; jika sedar, sama ada Dewan Bandaraya akan mengambil tindakan berkesan

untuk memperbaiki atau memperkemas penyenggaraan di rumah pangsa; dan

- (d) apakah langkah yang akan diambil oleh Dewan Bandaraya untuk menyediakan perkhidmatan telefon tambahan kepada semua penghuni rumah pangsa di rumah pangsa Kos Rendah Dewan Bandaraya memandangkan bertambahnya permintaan untuk perkhidmatan tersebut.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, mengenai soalan (a), Semenjak iklan penjualan rumah pangsa dikeluarkan di akhbar-akhbar dan borang-borang permohonan diedarkan kepada penghuni-penghuni yang layak Jabatan Pengurusan Perumahan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur telah menerima sebanyak 2,461 permohonan sehingga 30-9-1982. Permohonan-permohonan ini datangnya daripada penghuni-penghuni yang tinggal di 11 kawasan rumah pangsa. Tarikh penerimaan borang-borang dilanjutkan sehingga 31-12-1982. Keputusan permohonan akan diberitahu secepat mungkin kepada pemohon-pemohon setelah semua perkara-perkara yang berkaitan dengan penjualan itu selesai diproses.

Untuk menjawab soalan (b), buat masa ini pihak berkuasa tidak bercadang mengurangkan tempoh kelayakan bagi penghuni membeli rumah pangsa yang diduduki oleh mereka daripada 10 tahun kepada 5 tahun.

Mengenai syarat kelayakan dari segi pendapatan Ketua Keluarga yang berdaftar adalah ditetapkan tidak melebihi \$1,000.00 sebulan. Walau bagaimanapun, di dalam kes-kes yang tertentu pihak Dewan Bandaraya boleh memberikan pertimbangan kepada permohonan daripada mereka

yang pendapatan terkumpulnya iaitu Ketua Keluarga dan suami ataupun isteri tidak melebihi \$1,500.00 sebulan.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa Yang Berhormat itu tidak seharusnya membuat kenyataan yang melulu bahawa rumah pangsa Dewan Bandaraya di seluruh Kuala Lumpur tidak disenggarakan dengan sempurna kerana penyenggaraan terhadap kemudahan-kemudahan awam yang dibekalkan di rumah-rumah pangsa adalah bergantung kepada cara bagaimana pengguna-pengguna menggunakan. Adalah menjadi tanggungjawab kedua-dua pihak iaitu Dewan Bandaraya dan pengguna mengawasi supaya alat-alat yang dibekalkan digunakan dengan betul.

Mengenai masalah kerosakan lif, Juruteknik-juruteknik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengadakan pemeriksaan setiap hari ke atas setiap lif di rumah pangsa. Jika terdapat lif-lif yang tidak berjalan, pihak syarikat yang bertanggungjawab akan dipanggil untuk membaikinya. Di samping itu membaiki kerosakan besar secara overhauling juga dibuat dan servicing juga dibuat pada tiap-tiap bulan. Program telah pun diadakan untuk mengganti lif-lif yang telah digunakan melebihi 10 tahun mulai tahun hadapan.

Mengenai saluran sampah yang rosak, satu kontrak telah pun ditandatangani dan telah pun berjalan untuk mengganti semua "refuse chute hoppers" yang rosak atau reput di rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya. Saya kurang pasti apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai kemudahan api elektrik. Jika maksudnya ialah tentang corridor light Bahagian yang berkenaan mengadakan pemeriksaan setiap bulan di atas kemudahan tersebut dan mengambil tindakan apabila berlaku kerosakan.

Berkaitan dengan pertanyaan bahagian (d), Jabatan Pengurusan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun menghubungkan Jabatan Telekom untuk memohon perkhidmatan tambahan telefon awam bagi keperluan di rumah-rumah pangsa iaitu sebanyak 4 buah lagi bagi setiap blok rumah pangsa yang 17 tingkat ke atas dan 2 buah bagi setiap blok rumah pangsa bertingkat rendah iaitu 5 tingkat ke bawah.

Begitu juga tindakan sedang diambil untuk menyediakan pelan-pelan berkaitan kepada Jabatan Telekom yang mengurus perkhidmatan telefon persendirian bagi penghuni-penghuni rumah unit rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang membuat permohonan kepadanya.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Untuk menjaga kebersihan dan menimbulkan rasa "sense of belonging" kepada penghuni-penghuni rumah pangsa, adakah kempen kebersihan dan kempen kesedaran sivik dianjurkan oleh Dewan Bandaraya bagi penghuni-penghuni rumah pangsa ini, dan sekiranya ada dianjurkan, jika hasilnya tidak berjaya adakah Dewan Bandaraya bercadang mengenakan denda kepada penghuni-penghuni yang rumah mereka tidak kemas dan tidak bersih?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang sedia maklum, kita memang sentiasa menjalankan langkah-langkah termasuk menjalankan kempen-kempen bagi menentukan penghuni-penghuni rumah pangsa menjaga kawasan sekitaran mereka dalam keadaan yang bersih dan teratur. Sebenarnya langkah ini berjalan dari masa ke semasa dan pada peringkat sekarang

ini kita sedang menyiapkan risalah-risalah mengenai panduan cara-cara menggunakan kemudahan-kemudahan asas seperti lif dan sebagainya yang disediakan di rumah pangsa untuk memberikan penerangan yang secukup-cukupnya kepada penghuni-penghuni cara-cara yang sebenarnya patut mereka menggunakan alat-alat tersebut.

Berkenaan dengan soalan kedua, sama ada tindakan akan diambil, sebenarnya tindakan sudah pun diambil terhadap mereka yang kerap mengengklari peraturan-peraturan berkenaan dengan kebersihan di rumah pangsa itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya berasa sukacita mendengar bahawa pihak Dewan Bandaraya sanggup untuk mengambil sikap "flexible" tentang kelayakan dari segi pendapatan dan untuk kes-kes tertentu jumlah ini akan dinaikkan sehingga \$1,500. Di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam menyelesaikan tentang menetapkan harga dan juga masalah berkaitan dengan pinjaman untuk rumah-rumah pangsa yang akan dijual?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bahawa kita telah pun mengambil perkiraan segala aspek berkaitan dengan harga dan juga syarat-syarat pembelian rumah pangsa ini dan sebenarnya kertas ini adalah di peringkat akhir untuk dikemukakan kepada Jemaah Menteri tidak berapa lama lagi. Dalam hal ini sebagaimana yang sedia maklum satu daripada perkiraan yang kita buat berdasarkan garis-garis panduan yang ditentukan oleh pihak Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan, dari segi harga rumah kos rendah; kedua, dari segi mengambil kira jumlah sewaan yang telah dibayar dalam tempoh-tempoh mereka menduduki rumah-rumah tersebut; dan ketiga jenis rumah sama ada rumah itu rumah yang tiga bilik ataupun dua bilik dan sebagainya termasuk soal pinjaman yang sekarang ini kesemuanya dalam peringkat akhir dan kita percaya keputusannya akan dapat diberitahu tidak berapa lama lagi.

BANK BRITISH—PINJAMAN

5. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kewangan menyatakan oleh kerana tiga daripada bank British yang telah mengatitkan rancangan pinjaman ada sindiket sebanyak satu billion dollar bagi pihak Malaysia telah enggan menolong mengatur bahagian yang terlepas dari cukai daripada pinjaman ini; apakah langkah-langkah yang beliau bercadang untuk mengambil tindakan terhadap bank-bank British itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar bahawa tiga daripada bank British yang mengatitkan pinjaman sindiket sebanyak satu billion dollar bagi pihak Malaysia enggan menolong mengatur bahagian yang terlepas dari cukai bagi pinjaman ini. Saya percaya bahawa bank-bank British tidak membantah kepada pemberian bahagian pinjaman yang terlepas cukai kepada Malaysia, dan Malaysia telah pun memperolehi bahagian pinjaman terlepas dari cukai tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dua daripada bank-bank tersebut telah turut serta dalam bahagian pinjaman yang terlepas dari cukai melalui anak-anak syarikat mereka, manakala bank yang ketiga telah mengambil bahagian yang besar dalam bahagian-bahagian lain dalam pinjaman itu.

TV—RANCANGAN DARI NEGARA-NEGARA ASEAN

6. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan kejituan ASEAN sama ada Kementeriananya akan melangkah untuk menambahkan rangkaian-rangkaian supaya penonton-penonton TV di rantau ini boleh saling menyaksikan program-program Thai, Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Rahmah binti Othman): Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu suka saya menyatakan iaitu untuk membolehkan Rakyat di Malaysia menonton rancangan-rancangan TV dari Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina, kalau kita hendak merangkumi seluruh ASEAN, maka Kerajaan terpaksa mengadakan kemudahan-kemudahan perhubungan asas yang berikut:

- (i) Dua saluran satelit antara benua, satu untuk rancangan-rancangan dari Filipina, dan satu untuk Indonesia.
- (ii) Empat saluran satelit Wilayah, satu untuk rancangan-rancangan Filipina, satu untuk Thailand, satu bagi Singapura dan satu bagi Indonesia untuk menyambung rancangan-rancangan tersebut ke Sabah dan Sarawak.
- (iii) Empat rangkaian pemancar dan perhubungan micro wave links tambahan bagi Semenanjung Malaysia untuk menyalurkan rancangan-rancangan dari empat negara yang disebutkan.
- (iv) Empat rangkaian pemancar dan perhubungan micro wave links tambahan bagi tujuan yang sama untuk Sabah dan Sarawak.

Saya tidak mahu memberikan taksiran anggaran belanjawan bagi projek ini kerana ia akan melibatkan angka yang lebih dari empat atau lima ratus juta ringgit.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan menyatakan empat kemudahan asas yang perlu supaya TV dapat dituntun antara negara-negara ASEAN dan juga memerlukan belanja yang banyak. Jadi adakah pihak Malaysia misalnya membuat sebarang langkah bagi mengadakan perundingan dengan negara-negara rakan kita untuk mengadakan rancangan TV seperti ini dengan cara berkongsi dari segi perbelanjaan.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, suka saya sebutkan dahulu pada masa ini rancangan-rancangan kita yang ada dengan negara-negara ASEAN yang ditayangkan di TV Malaysia adalah seperti berikut iaitu rancangan berdasarkan persetujuan sesama negara ASEAN:

- (i) ASEANIKA
- (ii) ASEAN Songs Festival (Pesta Lagu-lagu ASEAN)

Rancangan-rancangan berdasarkan persetujuan dua negara ASEAN: satu, pertukaran Orkestra-orkestra antara Malaysia dan Singapura, dan yang kedua Titian Muhibah antara Malaysia dengan Indonesia.

Menyentuh soalan Yang Berhormat tadi yang mengatakan adakah kita membuat sebarang kemudahan lain, atau mengadakan rancangan TV, suka saya menyatakan bahawa perbincangan memang kita adakan dengan negara-negara ASEAN dari masa ke masa untuk mengadakan pertukaran secara ini.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam menggalakkan kerjasama di

antara negara kita dengan negara-negara ASEAN ini, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai soal filem. Kita dapati bahawa filem-filem yang disiarkan oleh TV Malaysia kebanyakannya adalah daripada barat. Apakah tidak boleh digandakan filem-filem umpamanya dari Thailand atau dari Filipina.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, soalan ini sebenarnya tidak ada dalam soalan asal dan saya rasa elok saya jawab pada waktu yang lain kalau Yang Berhormat ingin membuat soalan yang sama.

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu tidak berbangkit. Tadi saya benarkan juga kalau-kalau Timbalan Menteri hendak jawab (*Ketawa*).

ANAK PELARIAN FILIPINA DI SEKOLAH SABAH

7. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah kanak-kanak pelarian Filipina yang diterima masuk ke sekolah di Sabah dan adakah kelas khas akan disediakan bagi mereka, berapakah jumlah wang yang ditanggung oleh Kerajaan setakat ini serta sejauh mana ianya memberi kesan pada peluang-peluang pelajaran kanak-kanak Malaysia.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, setakat ini seramai 5,986 anak-anak orang pelarian Filipina bersekolah di sekolah-sekolah rendah di Sabah bersama-sama dengan murid-murid tempatan. Tidak ada kelas-kelas khas untuk mereka. Oleh itu perbelanjaan wang Kerajaan dari segi pembinaan sekolah baru atau bilik darjah baru khas untuk menampung mereka tidak timbul sekarang. Pihak United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) yang mengendalikan hal ehwal orang-orang

pelarian ini telah menyatakan ke-sanggupan mereka untuk membiayai kos pembinaan kelas tambahan jika diperlukan pada masa akan datang.

Setakat ini kemasukan anak-anak orang pelarian ini tidak menjejaskan peluang anak-anak tempatan untuk bersekolah.

GURU SISWAZAH DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

8. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memenuhi keperluan Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang memerlukan guru-guru siswazah yang terlatih dan kelayakan mengajar matapelajaran Bahasa Cina di peringkat menengah atas.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperbanyakkan lagi bilangan guru-guru siswazah yang terlatih dan berkelayakan untuk mengajar semua matapelajaran di peringkat menengah atas termasuk matapelajaran bahasa Cina.

Bagi bahasa Cina misalnya, latihan guru dalam Kursus Diploma Pendidikan di Universiti Malaya adalah termasuk latihan guru-guru yang boleh mengajar bahasa Cina dari Tingkatan I hingga Tingkatan VI. Kursus seperti ini telah diadakan sejak sesi akademik 1967 dan 1968 dan akan diteruskan lagi. Pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Diploma Pendidikan boleh mengambil pengajaran bahasa Cina sebagai satu daripada dua kaedah pengajaran matapelajaran di sekolah yang ditetapkan oleh Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Setelah tamat kursus Diploma Pendidikan ini, guru-guru itu ditempatkan di sekolah-sekolah di mana perkhidmatan mereka diperlukan.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan jumlah kekurangan guru-guru siswazah yang terlatih yang wujud sekarang dan sama ada beliau sedar terdapat ramai siswazah yang layak mengajar bahasa Cina di negara ini tetapi Kerajaan tidak mahu iktiraf ijazah mereka.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, ini tidak benar oleh sejak sesi akademik 1967 sampai 1982 kita telah melatih ramai guru siswazah. Misalnya pada tahun 1977 seramai 117 guru-guru siswazah telah dilatih untuk mengajar bahasa Cina. Pada tahun 1978 bilangan ini telah bertambah menjadi 119 orang guru. Pada tahun 1979—122 orang; pada tahun 1980—131 orang; pada tahun 1981—138 dan pada tahun 1982—156 orang. Dan pada peringkat sekarang, Kementerian berpuas hati bahawa bilangan guru untuk mengajar bahasa Cina di peringkat sekolah menengah atas adalah cukup.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Seperti yang kita sedia maklum terdapat ramai warganegara Malaysia yang memegang sijil ataupun ijazah dalam bidang bahasa Tionghua ataupun bidang kesusasteraan Tionghua dari universiti-universiti di Taiwan, Hong Kong ataupun Nanyang. Adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk memberi peluang kepada mereka ini supaya mereka dapat dilatih untuk memperolehi Diploma Pendidikan dan selanjutnya untuk bertugas dalam sistem persekolahan.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, tadi saya telah sebut Kementerian Pelajaran sejak tahun 1967 sampai tahun ini telah menambah bilangan guru-guru bagi latihan untuk menyesuaikan tugas-tugas mereka sebagai guru mengajar bahasa Cina. Dan kita akan memberi peluang lagi

kepada guru-guru yang sekarang berkhidmat dalam Kementerian Pelajaran untuk mengikuti kursus Diploma of Education di Universiti Malaya dan pilihan ini akan dibuat dari kumpulan yang sekarang berkhidmat di dalam Kementerian Pelajaran.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang Dipertua, bersabit dengan peluang yang akan diberi kepada guru-guru terlatih sekarang untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dalam matapelajaran seperti Pengajian Cina, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah satu surat pekeliling yang mensyaratkan guru-guru ini masa mereka masuk universiti untuk memilih matapelajaran yang ada dalam senarai approved subject sahaja di mana matapelajaran bahasa Cina tidak dimasukkan. Adakah surat pekeliling ini masih berkuatkuasa, dan jika ya, saya tidak nampak sebabnya ini diadakan dan langkah yang macam manakah Kementerian Pelajaran untuk mengadakan lebih ramai lagi guru-guru yang boleh mengajar dalam bahasa Cina di peringkat menengah atas?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, apa yang disyaratkan di dalam Surat Pekeliling itu ialah mengikut "Diploma in Education Act". Regulation 2 (3) (c) berbunyi "that every student for the diploma in education course must take two subject matter courses to be selected from one or any two of the following specified areas:"

- (1) Language Education;
- (2) Science Education;
- (3) Social Science Education; and
- (4) Others, e.g. Arts, Music, Health Education etc.

Dan syarat untuk mengikuti kursus Language Education (Bahasa Cina) perlulah pelajar itu juga memilih lagi satu matapelajaran.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah 490 orang yang diterima untuk mengikuti Kursus Diploma di universiti itu semua graduan-graduan daripada Universiti Malaya ataupun dari universiti yang lain.

Dr Tan Tiong Hong: Tolong ulang balik.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalnya, adakah 490 orang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk mengikuti Kursus Diploma semuanya daripada Universiti Malaya ataupun dari universiti lain?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, untuk tahun 1982 bukan 496, tetapi 156 sahaja yang diberi tempat dan semuanya adalah ditempatkan di Universiti Malaya.

Dr Tan Seng Giaw: Soalnya, adakah mereka ini dari Universiti Malaya.

Tuan Yang Dipertua: Graduates.

Dr Tan Tiong Hong: Ada.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran di samping langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran, apakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengadakan satu kursus pengkhususan iaitu specialist course bagi guru-guru terlatih yang sekarang mengajar bahasa Cina. Jadi, mungkin atas perakuan pihak berkuasa seperti Nazir Sekolah, guru-guru terlatih ini dipilih untuk mengikuti satu kursus pengkhususan supaya mereka dapat disediakan untuk mengajar bahasa Cina di peringkat menengah atas bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar di peringkat ini.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, pada peringkat sekarang latihan yang telah diberi melalui

Fakulti Pendidikan Universiti Malaya adalah memuaskan dari masa ke semasa kalau perlu kita boleh mengkaji mengadakan kursus specialist tetapi pada peringkat sekarang tidak ada cadangan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soal No. 9 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).

MAKANAN TAMBAHAN PERCUMA

10. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab-sebab makanan tambahan percuma bagi murid-murid bukan beragama Islam ditangguhkan/dibatalkan pada bulan puasa tahun ini dan pada tahun-tahun berikutnya.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, Rancangan Makanan Tambahan yang diberi kepada murid-murid miskin di sekolah rendah pada tahun ini tidak kira agama dan kaum. Jumlah peruntukan wang yang disediakan oleh Kerajaan adalah untuk 150 hari setahun iaitu 50 hari setiap penggal bagi semua jenis sekolah di seluruh Malaysia. Memandangkan kebanyakan sekolah rendah murid-muridnya terdiri daripada kanak-kanak berbilang bangsa dan agama termasuk murid-murid Islam yang berpuasa dan untuk menghormati bulan Ramadan rancangan ini adalah ditangguhkan pada bulan tersebut.

Di sekolah-sekolah yang 100% murid-muridnya terdiri dari kanak-kanak bukan beragama Islam, pihak Kementerian Pelajaran tidak menghalang jika rancangan ini hendak diteruskan dalam bulan Ramadan. Walau bagaimanapun, pengurusan dan pentadbiran Rancangan Makanan Tambahan di peringkat sekolah adalah dijalankan oleh guru besar yang berkenaan di bawah penyeliaan

pegawai-pegawai dari Jabatan Pelajaran Negeri atau Daerah. Oleh hal yang demikian, penentuan hari dan masa serta cara-cara menyediakan dan menghidangkan makanan tambahan adalah terpulang kepada kebijaksanaan guru besar. Berasaskan kepada syarat-syarat yang disampaikan oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri atau Daerah dan keadaan-keadaan tempatan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa peruntukan ini ialah 150 hari setahun. Maka memandangkan bahawa peruntukan Belanjawan bagi bantuan makanan dengan percuma ini telah dikurangkan daripada \$45 juta kepada \$10 juta adakah ini mengurangkan bilangan hari ataupun bilangan pelajar yang akan diberi bantuan makanan ini.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyatakan bahawa sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji kriteria baru untuk melaksanakan program ini dengan lebih efektif lagi. Jadi, selepas kajian ini dibuat dapatlah beberapa jawapan diberikan.

MAHASISWA UNIVERSITI TAIWAN/NANYANG

11. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan apa sebabnya Kerajaan hingga sekarang tidak akui kedudukan mahasiswa-mahasiswa Universiti Formosa dan Nanyang di Malaysia yang berjumlah lebih sepuluh ribu orang yang telah dan sedang menyumbangkan kepada negara kita dalam segala bidang pembangunan nasional.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak menilai penuntut dan mahasiswa berdasarkan

kepada universiti tempat mereka menuntut di luar negeri. Sebaliknya, Kerajaan adalah menilai ijazah luar negeri berdasarkan kepada dasar yang tertentu untuk kepentingan negara jika ijazah bagi kelayakan yang berkenaan tidak boleh diperolehi dari universiti dan institusi pengajian tinggi di Malaysia sendiri. Oleh kerana kelayakan-kelayakan daripada Universiti Taiwan dan dari Universiti Nanyang tidak dapat memenuhi syarat-syarat untuk kepentingan perkhidmatan awam, Kerajaan tidak mengiktirafnya sebagai sesuai untuk perlantikan ke dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang Dipertua, perlantikan oleh sektor swasta tidak terikat kepada keputusan Kerajaan tidak mengiktiraf kelayakan-kelayakan dari institusi pengajian tinggi tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, apakah ciri-ciri yang menentukan bahawa sebuah universiti di luar negeri itu boleh diiktiraf dan boleh disamakan dengan pengiktirafan yang ada di universiti dalam negara kita.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, ada satu jawatankuasa di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam dan mereka mempunyai satu senarai garis panduan yang mereka gunakan. Selain dari ciri-ciri lain, iaitu jikalau institusi-institusi pelajaran tinggi di negara kita ini tidak cukup graduan-graduan untuk mengisi jawatan-jawatan yang kita kehendaki, misalnya, dari segi jawatan untuk doktor-doktor, kita mengadakan satu kajian di mana kita boleh memberikan kebenaran kepada graduan-graduan dari universiti-universiti luar negeri yang belum mendapat pengiktirafan di negara ini berkhidmat di dalam perkhidmatan Kerajaan kita.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dalam jawapannya tadi ada menyatakan bahawa penilaian ijazah luar negeri adalah mengikut dasar yang tertentu untuk keperluan negara. Bolehkah beliau memberitahu Dewan ini apakah dasar yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, saya telah juga memberi jawapan tadi, selain dari lain-lain consideration, Tuan Yang Dipertua, jikalau kita tidak cukup graduan dari institusi di tanah air kita sendiri maka pada masa itu kita hanya akan mengkaji untuk mengiktirafkan graduan-graduan dari universiti lain.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengenai kesesuaian graduan-graduan dari universiti luar seperti Formosa dan Nanyang, sepanjang pengetahuan saya dalam tahun 1970an ada ramai graduan dari Universiti Nanyang dan juga Formosa diambil masuk ke Perkhidmatan Pelajaran dan mereka diletak dalam kategori D3. Adakah pihak Kementerian Pelajaran masih mengamalkan amalan ini ataupun jika tidak, adakah Kementerian Pelajaran bercadang menimbangkan untuk mengamalkan balik amalan ini?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, untuk mengiktirafkan graduan dari Universiti Nanyang Singapura, saya ingat pada masa sekarang tidak timbul lagi oleh kerana Universiti Nanyang telah dimansuhkan atau ceased to exist pada Julai, 1980. Saya juga difahamkan bahawa pengiktirafan retrospective (retrospective recognition) tidak diamalkan, iaitu ijazah Universiti Singapura yang dahulu serta ijazah Universiti Nanyang yang dahulu tidak boleh dianggap sebagai setaraf, dengan izin, are not convertible to ijazah Universiti Nasional Singapura sekarang.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri Pelajaran, adakah beliau sedar bagi mereka yang mendapat ijazah dalam bidang kejuruteraan dari Universiti Formosa, ijazah mereka tidak diiktirafkan oleh pihak Kerajaan. Mereka yang mempunyai ijazah ini pergi ke England dan Amerika mendapat post graduate, masters tetapi bila mereka balik ke tanah air maka mereka pun menghadapi masalah yang serupa seperti sebelum mereka pergi ke tempat lain tempat mendapat masters itu, sungguhpun ada orang lain yang graduate dari universiti yang sama dengan orang itu mendapat pengiktirafan dari Kerajaan. Apakah lojik yang boleh diterangkan oleh pihak Kementerian.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar bahawa kesemua ijazah dari beberapa buah universiti luar negeri tidak diiktirafkan. Ini berdasarkan kursus-kursus yang diambil. Sebagaimana contoh yang saya sebutkan tadi, di bidang perubatan siswazah-siswazah dari Universiti Taiwan dan beberapa universiti di India sedang berkhidmat dengan Kerajaan tetapi mereka perlu menambahkan tempoh perkhidmatan sebagai Houseman serta mengambil Ujian Kelayakan.

Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa perlantikan oleh sektor swasta tidak terikat kepada keputusan Kerajaan tidak mengiktiraf kelayakan-kelayakan dari institusi pengajian tinggi tersebut. Ini bermakna bahawa pihak swasta boleh membayar siswazah-siswazah Universiti Nanyang, Universiti Taiwan atau lain-lain universiti berdasarkan tanggagaji yang sama ataupun yang lebih baik daripada tanggagaji yang dibayar oleh Kerajaan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana kita kekurangan para

doktor di negara kita ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar dan adakah Kerajaan atau Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengadakan satu ujian yang sama dengan universiti negara kita ini untuk mendapatkan pengiktirafan bagi mengelakkan daripada kita meminjam para doktor dari negara India dan Formosa. Sijil kedoktorannya.

Tuan Yang Dipertua: Saya rasa tidak bersangkutan dengan soalan asal.

SHEEHAN—KEGAGALAN MEMBAYAR ROYALTI

12. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada sebarang penyiasatan dan langkah-langkah berterusan yang diterima berkaitan dengan kegagalan membayar royalti minyak oleh sebuah syarikat yang dikenali sebagai Sheehan, yang menyebabkan kerugian sebanyak \$6 juta kepada hasil negara kita.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah mencuba beberapa kali untuk membawa syarikat berkenaan ke meja perundingan untuk membincangkan hutang syarikat kepada Kerajaan tetapi telah gagal. Apabila Kerajaan akhirnya berjaya mengaturkan satu mesyuarat dalam bulan Jun 1980 di antara pegawai-pegawai kanan Kerajaan dengan wakil-wakil syarikat tersebut di New York, wakil syarikat yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan bagi pihak syarikat telah tidak menghadiri mesyuarat itu di saat-saat terakhir. Oleh itu, keputusan yang konkrit tidak dapat diambil.

Berikutan dengan ini Kerajaan telah menimbangkan beberapa langkah, termasuk tindakan perundangan, bagi mendapatkan kembali hutang syarikat

itu kepada Kerajaan. Bagaimanapun, sekiranya perkara ini dibawa ke Mahkamah Timbangtara Dewan Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa di Paris, proses perundangan yang terlibat akan mengambil masa yang lama dan menelan belanja yang sangat tinggi. Di sebaliknya, oleh kerana syarikat tersebut merupakan sebuah syarikat asing yang berdaftar di New York dan dengan yang demikian tidak tertakluk kepada undang-undang Malaysia, keputusan apa-apa jua mahkamah di negara kita amatlah sukar dilaksanakan. Keputusan tersebut akan hanya merupakan satu "paper judgement" sahaja. Syarikat berkenaan juga tidak mempunyai harta benda dalam negara ini yang boleh digunakan oleh Kerajaan untuk mendapatkan kembali hutang tersebut.

Oleh itu, Kerajaan telah memutuskan untuk menghapuskirkan hutang Syarikat tersebut kepada Kerajaan.

Tuan Sim Kwang Yang: (Dengan izin) Since it is so difficult to collect this overdue tax leading to the loss of \$6 million to the National Treasury as well as loss to the income of the people of Malaysia, does the Ministry of Finance or any other relevant Ministry have any plans for investigating how the original contract was made in order to ensure that such great losses would not occur again in the future?

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, itu adalah soalan yang lain.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, adakah syarikat yang terlibat itu masih lagi berurusniaga dengan Kerajaan kita, dan kalau tidak, bilakah syarikat itu putus kontrak dengan Kerajaan kita?

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, syarikat itu sejak dari tahun 1973 telah putus kontrak dengan Kerajaan.

TENDER PROJEK DAYABUMI

13. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapa tender pembinaan Dayabumi dibahagikan kepada sebuah Syarikat Usahasama Jepun, sedangkan tender sebuah syarikat tempatan iaitu Lim Kah Ngan Construction Co. lebih banyak rendah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang Dipertua, pertimbangan ke atas tender untuk membina Projek Dayabumi telah dibuat berlandaskan kepada beberapa asas tertentu dan keputusan yang dibuat ialah mengambilkira asas-asas tersebut. Seperti yang sedia dimaklum, projek ini dilaksanakan dengan menggunakan teknologi baru dari segi cara dan bahan-bahan binaan dan adalah dijangka perkhidmatan teknologi diperolehi daripada Syarikat yang mendapat tender tersebut. Pihak Kerajaan telah memutuskan supaya projek ini siap dalam masa yang singkat iaitu 30 bulan dan penender yang berjaya telah dapat meyakinkan Kerajaan bahawa mereka boleh memenuhi syarat ini. Bagaimanapun, setakat ini pembinaan projek tersebut adalah sebanyak 38 hari lebih awal dari jadual bagi pembinaan podium, dan sebanyak 23 hari lebih awal bagi pembinaan blok menara. Ini telah pun saya terangkan dalam jawapan saya di Dewan yang mulia ini pada 24-11-82.

Di samping itu ada faedah-faedah sampingan yang lain yang akan diperolehi daripada pembinaan projek Dayabumi oleh penender yang berjaya. Umpamanya pihak kontraktor Jepun tersebut mengadakan program latihan untuk

melatih kakitangan teknikal di dalam bidang teknologi baru yang digunakan itu dan ini termaktub sebagai satu daripada syarat-syarat kejayaan usahasama itu.

Sukacita saya maklumkan bahawa setakat ini seramai 13 pegawai dan kakitangan teknikal sedang menjalani latihan di Negeri Jepun selama 3 bulan dan seramai 37 lagi akan dihantar juga untuk menjalani latihan dalam bidang teknikal dan profesional serta pengurusan projek.

Latihan diberi juga kepada pegawai-pegawai profesional dan para profesional di dalam negeri. Seramai 8 orang pelatih diberi latihan sepenuh masa bagi tempoh 3 hingga 22 bulan.

Latihan-latihan dalam bentuk seminar dan taklimat-taklimat telah juga diberi kepada lebih daripada 500 orang kakitangan agensi-agensi Kerajaan serta pihak-pihak swasta tertentu dalam bidang teknikal dan pengurusan projek.

Mengenai perbezaan harga, sukacita saya menegaskan bahawa pihak Kerajaan tidaklah tertakluk kepada menerima mana-mana tender yang termurah dalam apa juga tawaran dan pada hemat Kerajaan, pertimbangan sepenuhnya telah pun dibuat dalam memberi tender kepada sebuah Syarikat Usahasama Jepun tersebut.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup. Saya tidak benarkan soalan tambahan.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 adalah diberi di bawah ini)

SKENDAL "MEE SEGERA"

9. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada siasatan ke dalam "skandal mee segera" sepertimana terdedah dalam laporan Ketua Audit Negara telah siap; jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut dan nyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai/pegawai-pegawai yang terlibat.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Langkah-langkah untuk mengenalpasti perkara berhubung dengan "harga mee segera yang tidak realistik di Sabah dan Sarawak" sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 1977 telah pun selesai. Langkah-langkah untuk mendapatkan maklumat ini telah dijalankan oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan di bawah kuasa pentadbirannya. Jawatankuasa tersebut telah meneliti sistem pembekalan catuan mentah kering di negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan mengesan beberapa orang pegawai yang menguruskan sistem pembekalan ini. Hasil daripada soal siasat dan kajian dokumen-dokumen yang berkenaan Jawatankuasa ini mendapati bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam sistem pengurusan pembekalan tersebut yang mana telah membenarkan kejadian kes mee segera ini. Beberapa perakuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pengurusan ini telah dikemukakan oleh Jawatankuasa ini dan perakuan-perakuan tersebut telah/sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

Berhubung dengan tindakan terhadap pegawai-pegawai tertentu, oleh kerana bukti-bukti yang jelas tidak kedapatan maka tidak wajarlah bagi pihak Kementerian mengambil tindakan undang-undang tanpa bukti nyata itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan, 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari ketigabelas)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang Dipertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 49 dan B. 50 (Jadual)—

Maksud P. 49 dan P. 50 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat dari Jerai meneruskan ucapannya.

4.06 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan pada petang semalam bahawa dengan kekurangan kakitangan-kakitangan di Bahagian Alam Sekitar ini dan dengan wujudnya banyak pembangunan dan perkilangan di negara kita ini usaha-usaha pengawalan terhadap pencemaran alam sekitar dan juga daripada kesan-kesan sampingannya yang boleh membawa kepada pencemaran alam daripada kilang-kilang dan pembangunan di sekitarnya adalah kemungkinan tidak dapat dikawal dengan sebaik-baiknya. Oleh itu saya berharaplah kepada Kementerian ini

supaya dapat mengambil perhatian semoga masalah yang sedang dihadapi itu akan dapat diselesaikan tanpa menunggu masa yang lebih lama.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh di dalam Maksud P. 49, Butiran (1) dan (2) iaitu (1) Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan (2) Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI)

Tuan Pengerusi, daripada strategi belanjawan yang dibentangkan ke atas permohonan peruntukan belanjawan bagi Kementerian ini didapati ada dua tujuan strateginya tentang Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail ini. Yang pertamanya untuk menampung dan meluaskan lagi projek-projek penyelidikan dalam bidang perindustrian, perubatan, pertanian, alam sekitar dan sebagainya. Dan yang keduanya bagi melengkapkan PUSPATI dengan kemudahan-kemudahan perincian dalam kajian-kajian tersebut. Begitu juga tentang program SIRIM yang mana tujuannya ialah untuk meningkatkan taraf perusahaan-perusahaan tempatan serta memajukan pembangunan teknologi melalui usaha-usaha piawaian, penyelidikan perindustrian serta pemindahan teknologi selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian ini oleh kerana dalam ucapan dasar semasa Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lalu, wakil dari Ulu Terengganu telah pun membangkitkan masalah ini dengan panjang lebar di mana harapan kita terhadap penyelidikan dan usaha-usaha di bidang sains dan teknologi ini agar dapat berkembang dengan meluas dalam berbagai bidang supaya perkembangan di dalam bidang-bidang itu dapat dikembangkan pula kepada masyarakat untuk dapat disertai di dalam perusahaan ataupun

di dalam bidang-bidang pertanian sepertimana yang dicadangkan di dalam strategi belanjawan yang dikemukakan. Apa yang mendukacitakan ialah pusat-pusat ini bukan baru ditubuhkan, tetapi setakat ini masih lagi ramai pihak-pihak masyarakat yang belum mengetahui apakah peranannya yang sebenar dan apakah kekesanannya terhadap perkembangan bidang sains dan teknologi kepada kemajuan masyarakat pada keseluruhannya.

Saya tidak menafikan mungkin ada beberapa kalangan dan pihak-pihak yang mendapat faedah daripada usaha-usaha yang telah dilahirkan daripada pusat penyelidikan ini ataupun daripada SIRIM yang mengusahakan penyelidikan-penyelidikannya, tetapi nampaknya terbatas, kalaulah bermaksud untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kerana pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru berkehendakkan penyertaan yang lebih luas dan pencapaian yang lebih tinggi daripada apa yang ada pada masa ini. Tetapi dengan adanya kegiatan-kegiatan yang terhad pada masa ini, kemungkinan banyak lagi perkembangan-perkembangan yang seharusnya diwujudkan di dalam bidang sains dan teknologi, masih lagi belum dapat diterokai ataupun dapat dibuat secara penyelidikan yang boleh dikembangkan untuk kemajuan pembangunan negara dan kemajuan pembangunan masyarakat juga. Oleh yang demikian, maka dengan ini saya berharaplah supaya kedua-dua badan ini mengambil perhatian yang segera mempertingkatkan penyelidikan-penyelidikan dan usaha-usaha di bidang sains dan teknologi ini untuk dapat memberikan penggunaan dan kekesanannya terhadap pembangunan masyarakat sama ada di dalam sektor pertanian, perindustrian kecil ataupun di dalam bidang-bidang sektor yang lain. Sekiranya ini dapat diambil perhatian segera di mana banyak lagi

bidang-bidang yang perlu diselidiki dan dapat diberikan perhatian, dan pandangan sama ada di bidang sains dan juga bidang teknologi.

Adalah diharapkan perkembangan perusahaan-perusahaan kecil yang berasaskan pengeluaran-pengeluaran barangan setempat, sama ada di bidang pertanian ataupun pengeluaran-pengeluaran dari sumber yang ada di dalam kawasan-kawasan yang tertentu dapat dimajukan dan dengan ini akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha serta akan dapat pula mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan pertambahan pendapatan ekonomi kepada negara dan juga pihak pengusaha-pengusaha itu sendiri.

Tuan Pengerusi, inilah harapan yang pernah dilahirkan berapa kali di Dewan ini seperti yang saya katakan tadi, yang pernah juga disebutkan oleh Wakil dari Ulu Terengganu dahulu yang amat diharapkan semoga benar-benar akan diberi perhatian dan terutamanya kepada bidang-bidang yang akan dapat lebih banyak membawa perkembangan kepada peluang yang dapat disertai oleh masyarakat di desa ataupun di luar bandar.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong di atas peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

4.14 ptg.

Tuan Quah Wee Liam (Kluang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berucap mengenai Maksud B. 49, Butiran 1100, Program (3) Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, Kluang adalah pada hakikatnya satu kawasan pertanian dan banyak perusahaan ringan di sekeliling bandarnya. Masalah

pencemaran air merupakan masalah serius buat beberapa tahun kebelakangan ini. Air untuk diminum walaupun telah diubati masih mengandungi kekotoran dan bau, ini menimbulkan satu kesusahan kepada orang ramai. Contoh air (water sample) yang telah dianalisa mengesahkan bahawa kesihatan orang ramai memang terjejas sekiranya air tersebut diminum untuk sesuatu tempoh masa yang panjang.

Tuan Pengerusi, berikutan dengan bantahan keras daripada orang ramai banyak kilang-kilang seperti MTI telah bersetuju untuk membuang sampah-sarap daripada kilang-kilang itu selepas tempat takungan air, akan tetapi saya difahamkan kebelakangan ini pembuangan sampah-sarap daripada kilang-kilang ke dalam sungai-sungai tidak mendapat kawalan dan penyeliaan sewajarnya, malah dengan terdapat banyak estet kelapa sawit dan kilang penapis kelapa sawit banyak sungai-sungai mengalami pencemaran yang teruk sekali sehinggakan ikan-ikan pun tidak dapat hidup di dalamnya. Sungguhpun Kerajaan memang memandang berat tentang pencemaran air oleh kilang-kilang tersebut, penduduk-penduduk di Kluang berharap supaya usaha yang lebih giat diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan sama sekali masalah pencemaran air itu.

Tuan Pengerusi, oleh kerana beberapa kilang telah didirikan di sekeliling bandar dan berhampiran dengan estet perumahan, maka banyak orang di Kluang terpaksa menanggung pencemaran udara semenjak beberapa tahun yang lalu, banyak sungutan telah disuarakan oleh orang ramai, namun demikian banyak kilang-kilang seperti kilang getah Revertex Berhad, telah dibenarkan wujud. Di sepanjang beberapa tahun ini, effluent dari kilang tersebut memberikan bau yang tajam meliputi kawasan lingkungan seluas dua batu. Bau ini menjadi lebih

teruk setiap kali selepas hujan lebat. Kesan buruk yang telah dibawa oleh effluent tersebut dapat dilihat dari kesan-kesan yang terdapat pada pagar chain-link, serta besi-besi jendela di rumah-rumah di beberapa kawasan perumahan yang berdekatan terutamanya di sepanjang jalan Batu Pahat.

Dalam tempoh setahun atau kurang dari setahun pagar chain-link dan besi-besi jendela telah berkarat sepenuhnya, bau busuk yang datang dari kilang tersebut, asap serta gas carbon monoxide mengotorkan lagi udara yang kita hidu. Kesan buruk terhadap kesihatan orang ramai mungkin dapat kita ketahui dalam masa beberapa tahun lagi, akan tetapi apabila sampai masa itu mungkin sudah terlambat bagi Kerajaan mengambil apa-apa tindakan.

Saya percaya Kementerian yang berkenaan telahewartakan peraturan-peraturan mengenai pengawalan pencemaran air dan udara dengan tujuan menentukan bahawa sekiranya ada sebarang pencemaran, pencemaran itu tidak akan menjejaskan kesihatan orang ramai dan pencemaran itu adalah pada paras yang rendah sekali.

Sebagai satu langkah untuk memperketatkan pengawalan yang saya sebutkan, saya cadangkan supaya pegawai-pegawai memeriksa selalu, membuat lawatan ke kilang-kilang yang berkenaan kerana ini akan menimbulkan kesedaran penuh kepada pihak pengurusan kilang-kilang bahawa Kerajaan sangat memandag berat tentang masalah pencemaran ini.

Tuan Pengerusi, sebagai satu rumusan berkesan saya untuk menghadapi secara menyeluruh masalah tersebut maka saya cadangkan supaya kilang-kilang yang akan didirikan pada masa yang akan

datang dibina pada satu zon tertentu yang dikhaskan untuk maksud ini. Di samping itu semua pihak yang terlibat mesti memperolehi nasihat dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tentang cara-cara mengurang ataupun mengelakkan semua sekali punca-punca pencemaran. Nasihat yang diberi itu tidak boleh diabaikan tanpa sebab-sebab yang munasabah dan akhirnya agensi atau Jabatan Kerajaan yang lain mesti mengadakan perhubungan yang rapat supaya apa-apa masalah yang timbul dapat diselaraskan secara teratur dan segera.

Tuan Pengerusi, sekian saya menyokong Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar atas peruntukan yang diminta.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batu Pahat.

4. 22 ptg.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut muka surat 487, B. 49, Kod 1100, Program (3) Alam Sekitar.

Walaupun saya mewakili kawasan Batu Pahat tetapi saya diam di Johor Bahru, oleh yang demikian saya sentiasa menghidu bau-bau busuk yang ada di Selat Tebrau. Keadaan ini telah berlaku untuk beberapa lama, ini ialah disebabkan oleh pencemaran udara yang begitu hebat disebabkan oleh industrialisation dari jiran negara kita, boleh saya sebutkan Singapura yang melibatkan sampah-sampah sarap, bau-bau busuk datang ke perairan Johor yang menyebabkan hasil-hasil laut seperti ikan, udang dan lain-lainnya mati dan tidak akan hidup kembali. Oleh sebab yang demikian maka hapuslah mata pencarian nelayan-nelayan pantai di sekitar Johor dan juga kehidupan dan kesihatan penduduk-penduduk di Johor Bahru kian terancam. Pendapat

saya adalah layak negara kita merundingkan perkara ini dengan Kerajaan Singapura dan seterusnya menuntut apa-apa pampasan yang perlu dan dibayar kepada Kerajaan Johor yang telah menanggung kerugian yang besar disebabkan kehilangan mata pencarian rakyatnya dan seterusnya kehilangan pendapatan dari pelancongan.

Saya menyebutkan kehilangan pendapatan dari pelancongan ialah kerana negeri Johor adalah masyhur dengan Pantai Lidonya yang dialunkan di dalam sebuah lagu "Pantai Lido", tetapi sekarang ini tidak boleh lagi dipanggil dengan Pantai Lido tetapi layak dipanggil dengan "pantai loye" kerana apabila seseorang itu mandi berenang di dalam Selat Tebrau, apabila keluar daripada Selat Tebrau akan menjadi bertambah kotor disebabkan oleh bekas-bekas minyak serta kekotoran yang dibawa dari negara jiran kita. Selain dari itu kemungkinan pula badan-badan mereka akan menjadi berkudis dan rosak dan akan menyebabkan Kementerian kita menanggung beban. Saya berpendapat sudahlah sampai masanya nelayan-nelayan laut kita itu diberikan satu bantuan atau sokongan supaya mata pencarian yang telah hilang itu dapat digantikan dan seterusnya dapatlah mereka hidup secara lebih baik lagi.

Saya sememangnya menyokong apa yang disarankan oleh sahabat saya dari Kluang mengenai pencemaran alam yang begitu hebat sekarang ini. Di kawasan saya di Batu Pahat banyak kilang-kilang yang telah ada yang tidak menyempurnakan apa yang dikehendaki oleh Kerajaan supaya menentukan keadaan alam sekitar tidak terjejas, tetapi malangnya disebabkan oleh kurang kemampuan Kementerian ini untuk mengadakan pengawasan yang cekap oleh sebab kemungkinan kekurangan kakitangan

dan juga kemungkinan juga disebabkan oleh kekurangan jumlah Belanjawan yang diberi pada kali ini tetapi saya berharaplah supaya Kementerian ini dapat berganding bahu dan berkoordinasi dengan Jabatan-jabatan lain seperti Polis ataupun Relawan dan lain-lain Jabatan supaya dapat pengawasan yang lebih cekap, yang berkesan supaya tidaklah alam sekitar kita terjejas dan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan di sekitar itu mendapat dan terlibat dengan bau-bau yang tidak sepatutnya ada.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong.

4.27 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya sentuh kepada Maksud Bekalan B. 49, muka surat 487, Butiran 1100, Program (1) dan (2).

Kerajaan seharusnya mengambil perhatian serius atas perkara bahayanya pancaran dari tempat-tempat pembuangan bijih tantalum di Pulau Pinang.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menyatakan penghuni-penghuni yang mendiami dekat dengan tempat pembuangan bijih tantalum itu menghadapi bahaya pancaran yang mungkin membawa penyakit barah dan lain-lain penyakit. Presiden CAP, Encik S. M. Idris juga menyatakan kajian yang dibuat oleh persatuan itu atas bahayanya dari tempat pembuangan bijih di Hill Railway Road, Pulau Pinang menunjukkan timbulnya bahaya bagi penghuni-penghuni di situ. Terdapatnya banyak tempat pembuangan bijih tantalum di negara kita.

Tuan Pengerusi, CAP juga menjalankan lebih daripada 150 ujian pancaran dari tempat pembuangan bijih tantalum di Hill Railway Road. Tempat pembuangan bijih itu terletak di situ selama tiga tahun dan mengandungi lebih dari 3,000 tan bijih. Luasnya 0.5 Km. Encik Idris menyatakan kadar pancaran di situ lebih 5 kali ganda daripada paras keselamatan dan kesihatan bagi manusia. Encik Idris juga ada menyebut empat buah rumah berhampiran dengan tempat pembuangan bijih tantalum itu menyebabkan gelombang bahaya yang mempunyai pancaran yang tertinggi. "Mengikut kadar tertentu Amerika Syarikat, rumah-rumah tersebut tidak lagi sesuai untuk didiami". Tambah Encik Idris lagi, penduduk-penduduk di situ selalu menghadapi masalah-masalah kesihatan yang terganggu dalam dua tahun kebelakangan. "Pengiraan yang dibuat dalam dua tiga tahun menunjukkan kadar risiko penduduk di situ menghadapi penyakit barah naik dua kali ganda.

Selain daripada penyakit barah, Encik Idris menyatakan pancaran gelombang boleh menyebabkan penyakit selaput mata, penyakit kulit, penyakit "genetic" dan "abnormalities". Beliau juga menyatakan seorang budak yang mendiami dekat tempat pembuangan bijih tantalum menghadapi bintat-bintat, batuk, bronchitis, penyakit paru-paru dan muntah-muntah. Mengikut doktor-doktor dan seorang pakar penyakit, penyakit itu disebabkan oleh radioaktiviti.

Tuan Pengerusi, Encik Mohamed Idris membongkar bahawa Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengetahui akan hal-hal ini semenjak tahun 1980. Tetapi Majlis Perbandaran tidak mengambil apa-apa tindakan menguji kadar radioaktiviti bijih tantalum di sana. Encik Idris

menyatakan seorang pegawai Bahagian Alam Sekitar melawat tempat pembuangan bijih tantalum pada 9hb September tahun ini. Pegawai itu mengesahkan bahawa tempat bijih tantalum itu tidak merbahaya. Pada 19hb September tahun ini, dua orang pegawai Alam Sekitar dari Kuala Lumpur melawat tapak itu dan mengutip bahan-bahan tantalum. Nampaknya sampai di sini sahaja perkara ini.

Tuan Pengerusi, apa yang meragukan Encik Idris telah pun ditentukan oleh Dr Chong Chow Sing seorang Ahli Fizik dan pensyarah di Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang. Beliau menerangkan bahawa pancaran gelombang-gelombang dari, dengan izin, thoron dan radon, gas-gas dari elemen-elemen bersama dengan tantalum akan merosakkan tisu-tisu di dalam badan manusia. Tuan Pengerusi, Dr Chong sedang membuat ujian ke atas bahan-bahan yang terdapat di tempat pembuangan bijih tantalum di Hill Railway Road. Keputusan ujian itu akan dikeluarkan dalam bulan depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan pada 17hb November tahun ini bahawa suatu "Emergency Task Force" telah pun dan akan menyiasat masalah itu. Menteri berkenaan telah melarang orang ramai masuk ke kawasan pembuangan bijih tantalum di Hill Railway Road, Pulau Pinang dengan sebab tempat itu merbahaya kepada kesihatan. Menteri berkenaan juga menyatakan Kerajaan tidak mencari bantuan antarabangsa dalam hal ini dengan sebab mencukupi pakar yang berkebolehan untuk menyelesaikan perkara ini di negara ini. Ujian-ujian awal dibuat oleh pegawai-pegawai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) membuktikan paras pancaran gelombang radioaktif bahan-bahan tantalum di Hill Railway Road

adalah 3,800 million setahun. Ini melebihi paras maksima Amerika Syarikat 500 milirad setahun.

Pada hari Selasa, pegawai-pegawai PUSPATI memulakan ujian yang lanjut untuk menentukan paras pancaran di tempat pembuangan tantalum di Hill Railway Road. Satu pasukan delapan orang sedang menjalankan ujian dari bahan-bahan pembuangan bijih tantalum di Pulau Pinang selepas mana mereka akan membuat satu laporan kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, dengan sebab potensi bahaya teruk kepada kesihatan Kementerian berkenaan mesti menyangka perkara ini sebagai perkara serius. Seharusnya Kementerian berkenaan selepas mendapat hasil kajian awal mengambil langkah-langkah untuk memindahkan tempat-tempat pembuangan bijih tantalum dari kawasan berhampiran dengan tempat-tempat kediaman, dengan tidak menunggu keputusan kajian yang sedang dijalankan sekarang.

Tuan Pengerusi, pengkaji mesti mengarahkan pihak berkenaan membuat satu kajian dalam hal perkara tempat pembuangan tantalum di seluruh negara. Dengan izin, "Prevention is better than cure". Di dalam hal keselamatan rakyat kita, satu risiko tidak boleh dikenakan. Saya tidak nampak macam mana mengekalkan tempat pembuangan tantalum di tapak-tapak sekarang lebih baik dari mengenakan risiko bahaya sementara kajian yang mendalam dibuat dalam hal ini. Jikalau kenyataan-kenyataan CAP dibuktikan sebagai benar, terdapatnya akibat yang serius pada akhirnya. Majlis Perbandaran Pulau Pinang seharusnya lebih bertanggungjawab dalam hal ini apabila mereka mengetahui semenjak tahun 1980. Mereka mengetahui akan hal-hal

tempat pembuangan bijih tantalum di Hill Railway Road, Pulau Pinang dalam bulan Januari tahun 1980. CAP membuat lebih jasa untuk orang ramai kalau dibandingkan dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Presiden CAP juga diuntungkan oleh Dr Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang. Majlis perbandaran Pulau Pinang mestilah lebih cekap lagi. Pegawai-pegawai Majlis itu dibayar gaji dari bayaran orang ramai. Orang ramai berharap perkhidmatan bukan hanya kata-kata sahaja dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Mas.

4.36 ptg.

Tuan Mutang Tegal (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Maksud B. 49, Butiran 1100, Program (3) dan (4) tajuk Alam Sekitar dan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara.

Perlindungan Alam Sekitar, Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara adalah perkara penting di dalam negara kita. Ini adalah oleh kerana ianya dapat mewujudkan satu identiti bagi negara kita di mana bentuk semula jadi alam sekitar kita dikekalkan menjadi keindahan dan kegemaran dunia. Walaupun negara kita adalah satu negara Tropika, kaya dengan kayu-kayan, pergunungan dan alam semula jadi yang cantik hijau-hijauan, ini tidak bermakna bahawa rakyat diberi kelonggaran supaya membuat sesuatu yang akan merosakkan ataupun memusnahkan bentuk alam semula jadi kita di negara ini.

Kerajaan harus mengambil langkah dari masa ke semasa supaya pencemaran tidak berlaku kepada bentuk alam semula jadi di negara ini. Saya khuatir dengan kesan-kesan yang akan berlaku dari pesatnya dasar Kerajaan untuk menjadikan negara ini

sebuah negara yang berindustrian. Pertambahan industri-industri, kilang-kilang yang menggunakan berbagai bahan kimia akan mengeluarkan sisa penghasilan yang akan mencemarkan alam sekitar kita.

Saya percaya bahawa kita semua sedia maklum bahawa negara-negara Barat yang berindustri telah pun sedar tentang pentingnya alam sekitar mereka yang bersih tanpa pencemaran dari industri-industri dan kilang-kilang yang ada. Marilah kita sebagai satu negara yang sedang membangun yang ingin berjalan ke arah perindustrian mempelajari dari pengalaman negara-negara Barat dan mengambil langkah-langkah supaya kemajuan negara kita tidak menjejaskan kedudukan kemurnian dan kebersihan alam sekitar dan alam semula jadi di negara ini. Oleh kerana itu saya berharap supaya Kementerian ini dapat mengkoordinasikan rancangan-rancangan mereka dengan pereka-pereka pelan negara ini supaya rancangan-rancangan bagi memajukan negara ini tidak menjejaskan keadaan dan kedudukan alam semulajadi negara ini. Kerajaan harus mengawal rancangan-rancangan untuk membuka lebih banyak lagi tanah-tanah ataupun hutan-hutan di negara ini untuk rancangan pertanian. Pengawasan ini perlu untuk memastikan keseimbangan kedudukan alam sekitar dan alam semulajadi tidak dijejaskan secara beza-membedakan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai keadaan pantai laut China Selatan di kawasan Miri dan Kuala Baram di Sarawak. Pencemaran pantai di Miri dan Kuala Baram telah berlaku oleh kerana habuk kayu dari kilang-kilang papan yang dibuang dalam Sungai Baram. Selain daripada habuk kayu tersebut ada juga kayu-kayu balak yang dibiarkan hanyut sahaja ke laut oleh syarikat-syarikat kayu balak. Kayu balak ini

telah pun hanyut ke pantai-pantai dan telah mencemarkan pantai-pantai tersebut. Oleh kerana pencemaran tersebut penduduk-penduduk di Miri khususnya tidak dapat menggunakan pantai yang indah itu dengan sepenuhnya. Jika masalah ini tidak dikawal dengan lebih awal ini akan mencemar dan mengotorkan laut dan pantai sehingga penduduk-penduduk tidak dapat menikmati kecantikan dan kemanisan laut dan pantai tersebut.

Saya difahamkan bahawa masalah yang sama juga terdapat di laut dan pantai Sungai Rajang di Bahagian Ketiga. Memandangkan masalah tersebut saya bercadang supaya Kerajaan mengarahkan syarikat-syarikat kayu balak yang menggunakan sungai tersebut supaya memusnahkan habuk kayu dan kayu balak tersebut dengan menggunakan bahan-bahan kimia tertentu dan bukan membuang habuk dan kayu tersebut ke dalam sungai.

Mengenai perlindungan hidupan liar dan taman negara, saya ingin menyentuh mengenai Taman Gunung Mulu di Bahagian Keempat Sarawak juga. Menurut satu rombongan pakar Achaecologist dari United Kingdom, taman ini merupakan satu taman yang cantik dan penuh keaslian dan ia mempunyai satu gua dan satu terowong di bawah tanah yang terbesar dan panjang sekali di seluruh dunia. Malangnya rakyat-rakyat jelata tidak dapat melawat taman ini oleh kerana tiada kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti jalan raya, perahu, ataupun pemandu-pemandu ataupun rumah penginapan dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan tersebut adalah penting untuk menarik lebih ramai lagi pelawat-pelawat ataupun pelancong-pelancong ke taman ini untuk menikmati kecantikan tempat itu.

Selain daripada itu Kerajaan Persekutuan harus mengarahkan tiap-tiap negeri di negara ini untuk menubuhkan taman-taman mereka sendiri supaya hidupan liar di negeri-negeri tersebut dilindungi di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, menyentuh mengenai peranan Jabatan Kehutanan dalam mengekalkan kedudukan alam sekitar dan alam semulajadi. Saya berharap supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dapat bekerjasama dengan Jabatan Kehutanan supaya dasar pembalakan hutan-hutan kita dan juga re-forestation programme Jabatan ini dapat diintegrasikan ataupun diselaraskan untuk mengekalkan keadaan alam sekitar dan alam semulajadi yang murni di negara ini. Dengan ini, saya turut menyokong Anggaran Belanjawan yang diberi kepada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hilir Padas.

4.46 ptg.

Tuan Mohamed Yusoff bin Haji Yakob (Hilir Padas): Saya berdiri bersama-sama dengan Ahli-ahli yang lain untuk membahaskan mengenai Anggaran peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, tahun 1983.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 49, Butiran 4 dan Butiran 5 di muka surat 490. Butiran 4 iaitu mengenai dengan Kemajuan Taman Negara hanya diuntukkan sebanyak \$618,800 dan ini jauh kurang jika dibandingkan dengan peruntukan yang telah diluluskan pada tahun ini iaitu lebih dari \$3 juta.

Tuan Pengerusi, negara kita yang tercinta ini adalah tidak asing lagi dikenali di nusantara dengan keindahan alam semulajadinya, keindahan gunung-ganangnya lembah meng-hijau dan hutan belantara adalah

sudah menjadi hakmilik kita semua di mana rakyat semua berhak menikmatinya. Keindahan alam semulajadi ini akan tinggal begitu sahaja tanpa dinikmati jika tidak ada kemudahan-kemudahan asas ataupun fasilitas yang tertentu yang akan diadakan.

Dalam hubungan ini taman-taman negara adalah merupakan fasilitas yang terpenting untuk memenuhi hakikat ini. Oleh hal yang demikian, saya bersetuju dengan rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menubuhkan banyak lagi taman-taman negara di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kita sedia maklum bahawa negara ini masih lagi mempunyai hutan belantara yang begitu luas di mana ianya boleh dijadikan taman negara. Hutan belantara di negara ini adalah kaya dengan penghuni-penghuni kehidupan liar dan banyak daripada kehidupan liar ini tidak ada terdapat di negara-negara lain. Kalau hutan belantara ini terus dimusnahkan melalui pembalakan ataupun sebagainya maka akan musnah dan hapuslah kehidupan liar itu yang banyak bermastautin dan berkeliaran di dalamnya. Kalau ini terus berlaku dan tidak dikawal dengan rapi maka saya khuatir dan bimbang, sedikit sebanyak keindahan alam semulajadi kita akan tergugat. Saya tidak hairanlah jika dua atau tiga puluh tahun dari sekarang anak cucu cicit kita tidak akan dapat megenali apakah itu harimau, beruang, orang utan, gajah, badak dan sebagainya. Justru itu, sebelum terlambat saya mencadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan positif supaya mengisytiharkan banyak lagi kawasan hutan belantara di negara ini sebagai taman negara dan juga kawasan hutan simpan yang kekal yang tidak boleh dibalak.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa kemusnahan sesuatu hutan belantara itu akan melibatkan berlakunya hakisan tanah di mana ianya sedikit sebanyak juga melibatkan bah dan banjir yang sering melanda negara ini. Kalau sudah hakisan tanah berlaku maka kualiti air terutama air sungai akan terganggu. Ini sudah pasti akan menyulitkan para pengguna terutama sekali penduduk-penduduk desa yang terpencil di mana sungai adalah sumber air untuk keperluan mereka seharian.

Tuan Pengerusi, rakyat di desa juga berhak untuk menikmati air yang bersih dan berhak untuk hidup dengan selesa tanpa menghadapi pencemaran ini. Oleh yang demikian saya merayulah kepada pihak yang berkenaan supaya mengawal kegiatan pembalakan ini dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya juga ini menyentuh Maksud P. 49, Butiran 5, muka surat 490 mengenai dengan Kawalan Alam Sekitar, yang mana peruntukan bagi tahun 1983 telah dipotong lebih dari dua kali ganda. Ini adalah sangat mengecewakan.

Tuan Pengerusi, alam sekitar yang bersih, selesa dan damai adalah idaman setiap manusia yang hidup di muka bumi ini. Idaman yang sedemikian semakin hari tidak lagi dapati diselesaikan sepenuhnya. Saya sedar bahawa setiap pembangunan terutama sekali di bidang perindustrian akan mengakibatkan sedikit sebanyak pencemaran alam sekitar. Ini adalah sudah menjadi norma yang kita semua terpaksa menerima. Namun demikian, Tuan Pengerusi, saya yakin bahawa pencemaran alam sekitar ini boleh dikurangkan dan dikawal jika pihak yang berkenaan mengambil kira faktor dan akibat pencemaran alam sekitar

(environmental consideration) dengan berhati-hati di dalam setiap pengkajian dan pembangunan yang dirancang dan seterusnya dilaksanakan di negara ini.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sebenarnya mempunyai beberapa undang-undang dan peraturan mengenai alam sekitar yang mana boleh dikuatkuasakan. Satu daripada undang-undang tersebut ialah Akta Alam Sekeliling, 1972.

Tuan Pengerusi, Kementerian yang berkenaan juga ada menubuhkan sebuah Cawangan di Sabah pada tahun 1981 kalau saya tidak silap. Saya ingin tahu apakah fungsi dan tugas-tugas Cawangan tersebut. Saya juga ingin tahu sejauh manakah Akta Alam Sekeliling, 1972 itu dikuatkuasakan di Sabah dan saya juga ingin tahu berapa banyakkah kes mengenai pencemaran di Sabah diambil tindakan mahkamah, dan kalau tidak ada, mengapa?

Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini dahulunya Teluk Brunei yang terdapat di kawasan saya adalah kaya dengan hasil-hasil lautnya tetapi hari ini hasil itu lebih jauh berkurangan. Ini adalah berpunca dari beberapa sebab dan satu daripadanya mungkin dari soal pencemaran alam sekitar di perairan tersebut. Saya telah difahamkan bahawa beberapa tahun yang lalu pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada membuat satu kajian mengenai dengan pencemaran dan kehidupan laut di perairan pantai barat Sabah termasuk Teluk Brunei. Apa yang saya ingin utarakan ialah sejauh manakah tindakan diambil di atas kajian tersebut, kalau tidak saya merayulah kepada Kementerian tersebut dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya demi mengatasi masalah ini iaitu masalah kekurangan hasil-hasil laut yang saya sebutkan tadi.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong anggaran perbelanjaan bagi Kementerian ini bagi tahun 1983.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling.

4.55 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 490, P. 49, Butiran 5 berkenaan Kawalan Alam Sekitar, Butiran 2 tentang Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI), Butiran 1 berkenaan Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan muka surat 492, B. 50, Butiran 1100, Program (2) berkenaan cerakinan.

Kini sampailah masanya supaya perhatian sepenuhnya ditumpukan ke atas kawalan pencemaran alam sekitar supaya dapat memperbaiki mutu hidup orang ramai. Oleh itu sangatlah menghairankan kerana hanya sebanyak \$5,330,100 di bawah Maksud Bekalan dan \$1,789,100 di bawah Maksud Pembangunan telah di-untukkan kepada Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, dalam usaha mempercepatkan industrialisation di Malaysia untuk mencapai taraf teknologi yang tinggi di Malaysia pada masa ini di mana pencemaran alam sekitar tidak dapat dielakkan, maka pengawalan alam sekitar hendaklah diuruskan dengan berhati-hati sebelum ianya merebak dan sulit untuk dikawal.

Tuan Pengerusi, beribu-ribu orang telah mati setiap tahun disebabkan oleh pencemaran alam sekitar. Selain dari kematian manusia, pencemaran alam sekitar juga, khususnya hujan asid, telah memusnahkan harta benda dan penghidupan lain di muka bumi di seluruh dunia. Sebagai contoh, saya

ingin mengingatkan Kerajaan bahawa hujan asid bertanggungjawab terhadap:

- (1) Beribu-ribu tasik di seluruh dunia telah musnah dan beribu-ribu lagi akan musnah disebabkan oleh hujan asid. Contohnya, di Ontario 250 tasik telah dimusnahkan oleh hujan asid dan 50,000 lagi dalam bahaya. Penghidupan laut (aquatic life) dalam 4,000 tasik di Sweden telah musnah disebabkan oleh hujan asid dan 18,000 lagi sedang menghadapi ancaman. Industri salmon di Nova Scotia dalam keadaan bahaya dan satu dari enam tasik di Amerika Syarikat telah terjejas.
- (2) Tanam-tanaman dan kayu-kayan hutan telah musnah. Tumbuhan hutan-hutan di Jerman telah mati dan tanaman tropika di beberapa buah hutan di Brazil telah kecut atau rosak.
- (3) Bandar industri yang penuh pesat di Cubato, Brazil telah digelar "jurang maut" dan kedengaran cakapan orang-orang tempatan yang mengatakan "hujan membakar". Dalam industri belerang di tengah-tengah Coatzacoalcos di Pelabuhan Mexico di mana terletak sebuah kompleks petrochemical terbesar di Latin America telah terdapat kereta-kereta yang terletak di luar menunjukkan tanda-tanda karat dalam tempoh enam bulan.
- (4) Bangunan Parlimen di Canada sedang dalam bahaya disebabkan oleh kerana pencemaran alam. Kerosakan yang dialami oleh bangunan Acropolis di Greece yang telah dibina beratus-ratus tahun itu telah bertambah dalam tempoh 25 tahun yang lampau

disebabkan oleh hujan asid. Bangunan "Taj Mahal" yang dibina dari marble putih yang berusia 300 tahun di Kota Agra, India telah menjadi kuning. Di Amerika landasan keretapi telah berkarat.

Tuan Pengerusi, di Malaysia pencemaran alam sekitar khususnya hujan asid akan menjadi masalah yang tidak dapat diatasi sekiranya kita tidak merancang terlebih awal. Walaupun Kerajaan enggan mengakuinya, kita sedar bahawa pada masa ini kita tertakluk kepada pencemaran alam yang lebih.

Di Lembah Kelang, terutamanya di Petaling Jaya, hujan yang turun di kawasan ini mengandungi banyak asid. Kandungan asid yang didapati dalam air hujan adalah mencemaskan iaitu di antara 4 pH. hingga 6.5 pH. Di Malaysia air hujan jernih sepatutnya mengandungi asid yang tidak lebih daripada 6.5 pH. Taraf jernih sekarang ialah 7 pH. Sekiranya langkah tidak diambil dari sekarang, kita akan segera mengalami keadaan yang serupa dengan Canada dan Amerika Syarikat. Selain dari hujan asid, kandungan debu udara di Petaling Jaya dalam masa kesesakan adalah enam kali ganda dari had keselamatan yang ditetapkan oleh Kesatuan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu 50 Microgram bagi tiap-tiap satu meter persegi.

Tuan Pengerusi, kita mesti mengambil langkah untuk menghentikan pencemaran alam sekitar kita daripada bertambah buruk lagi dari yang sedia ada pada masa ini dengan mengurangkan pencemaran alam dengan cara yang lebih berkesan lagi. Setakat ini Kerajaan tidak mempunyai cara yang mudah dan lengkap untuk mengawal pencemaran alam.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Kerajaan menimbangkan dan bertindak seperti berikut:

- (1) Perkembangan membersihkan saki-baki dan kekotoran kilang, terutama kilang-kilang kecil dan sederhana adalah terlalu lambat disebabkan oleh perbelanjaan yang besar dan kekurangan cerdik pandai dalam perkara ini. Kerajaan sepatutnya memberikan pertimbangan untuk mengesyorkan kepada pihak berkuasa tempatan supaya mengadakan pusat "Treatment Plant". Cara berkongsi usaha (pooling of resources) ini akan banyak menguntungkan dari segi belanja, pakar dan pengawasan.
- (2) Memperbaiki lagi kemudahan yang ada pada masa ini, terutama di PORIM (Palm Oil Research Institute of Malaysia), RRIM (Rubber Research Institute of Malaysia) dan SIRIM (Standard and Industrial Research Institute of Malaysia) supaya boleh mengadakan banyak lagi penyelidikan yang perlu untuk mencapai cara mudah dan berkesan bagi tujuan mengurangkan pencemaran alam.
- (3) Mengadakan banyak lagi penyelidikan bersama dengan pihak swasta kenamaan untuk mencapai tujuan dan matlamat yang diperlukan.
- (4) Menyebarkan pengetahuan teknologi yang diperolehi kepada sektor berkenaan dengan lebih berkesan lagi.
- (5) Memaksa pengawalan pencemaran alam tanpa berat sebelah terhadap badan Kerajaan atau badan berkanun seperti FELDA, RISDA dan sebagainya buat permulaan.

- (6) Oleh kerana kita sedang memandang ke Timur, kita sepatutnya meminta nasihat dan bantuan dari Jepun. Jepun boleh berbangga kepada dunia sebagai contoh bagaimana pencemaran alam dapat diatasi. Jepun pernah digelar sebagai "The Departmental Store of Population" oleh orang-orangnya sendiri. Setakat ini Jepun telah banyak mencapai kejayaan dalam mengatasi pencemaran alam dan hanya nitric acid sahaja yang menjadi masalah besar mereka. Pencemaran alam telah memuncak di negara Jepun dalam tahun 1960 apabila negara mencapai kemajuan ekonomi. Tetapi apabila negara itu dilanda bencana sakit seperti "Minimate" disebabkan oleh racun mercury dan "Itaitritai" disebabkan oleh cadmium tindakan telah diambil dengan jayanya. Tahun 1985 telah ditetapkan sebagai tahun untuk mengurangkan nitric oxide di Jepun.

(Timbalan Yang Dipertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, jumlah anggaran harga projek untuk PUSPATI adalah sebanyak \$54,949,523. Keterangan dan garis panduan yang jelas berkaitan dengan faedah besar yang diperolehi setakat ini dan juga yang bakal diperolehi dari sekarang hingga tahun 1985 dan seterusnya patut dikeluarkan. Oleh kerana bidang ini adalah satu bidang tertentu dan mempunyai sinaran terbuka yang sangat tinggi. Adalah wajar perhatian dan langkah tertentu diambil untuk menjamin keselamatan pekerja-pekerja dalam PUSPATI dan juga penduduk-penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Institute Piawaian dan Penyelidikan Perkhidmatan Malaysia (SIRIM), pengurangan peruntukan untuk SIRIM adalah sangat jelas di mana peruntukan telah dikurangkan dari \$11,109,010 dalam tahun 1982 sehingga \$2,300,000 pada tahun 1983 di bawah Maksud Pembangunan dan dari \$13,560,700 dalam tahun 1982 hingga \$10,437,700 bagi tahun 1983 di bawah Maksud Bekalan. Perbelanjaan menunjukkan jumlah kekurangan sebanyak \$11,932,010.

Tuan Pengerusi, pembentukan SIRIM telah selesai dan institut ini dikehendaki menambah kegiatannya setanding dengan kegiatan industri yang pesat dan keperluan untuk meninggi serta memperbaiki mutu hasil pengeluaran supaya barang-barang buatan Malaysia akan setanding dalam pasaran dunia. Dengan pengurangan sebegitu banyak, bolehkah Menteri menjelaskan kepada kami projek-projek besar yang telah disiapkan dalam tahun 1982 dan juga yang akan dibuat pada tahun hadapan?

Industri rekaan plastik telah mencapai peringkat yang memerlukan bantuan pusat teknologi plastik sebagaimana juga seperti getah. Oleh kerana Kementerian telah menerima fahaman ini, kita ingin tahu kemajuan yang telah dicapai setakat ini.

Berkenaan dengan cerakanin, Tuan Pengerusi oleh kerana Jabatan Kimia adalah satu badan yang mana hasil analisisnya akan digunakan untuk sebagai perantaraan, maka mutu analisa mestilah dikekalkan. Ini memerlukan alat-alat guna tertentu bagi kegunaan kakitangan terlatih. Pemeriksaan ulangan yang berterusan serta memperbaiki cara penggunaannya mesti dibuat dari masa ke semasa untuk menentukan hasil dan perkhidmatan yang baik. Semua ini memerlukan belanja yang cukup.

Belanja yang diperuntukkan untuk Jabatan Kimia untuk operasi dan pembangunan, perbelanjaan telah dikurangkan kepada \$1,876,080. Ini akan mengakibatkan pembekalan bahan kimia dan apparatus dan penjagaan alat guna, penyelidikan dan pembangunan tentu sekali mencukupi jika tidak ianya akan menjejaskan pekerjaan Jabatan Kimia di mana sekat-sekatan seperti ini akan berbangkit:

- (1) Sekiranya analisa yang teliti diperlukan, maka alat guna yang bermutu tinggi yang patut digunakan tidak dapat dibeli. Kemajuan Jabatan Kimia....

Tuan Pengerusi: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Tuan Yeoh Poh San: Satu minit sahaja lagi, Tuan Pengerusi. Kemajuan Jabatan Kimia akan terjejas, terutama sekali di lapangan analisa baru yang berkaitan dengan alat guna analisa.

- (2) Perkembangan Jabatan Kimia akan menghadapi kesempitan, terutama sekali di bidang teknik analisa baru mengenai alat-alat analisa yang baru.
- (3) Penyelidikan dan kemajuan akan jauh berkurangan dan ini akan merugikan kemajuan bidang analisa.
- (4) Latihan kakitangan akan dikurangkan.
- (5) Kehilangan kecekapan dan mutu analisa.
- (6) Hilang kepercayaan sebagai badan Undang-undang.
- (7) Jabatan Kimia akan kehabisan kimia dan bahan-bahan lain dan sukar memenuhi keperluan bagi menganalisa kimia.

Untuk mengelakkan kegagalan Jabatan Kimia dari mencapai tujuannya, Kementerian patutlah

memikirkan dengan sehalus-halusnya akibat yang akan ditempuh hasil dari singkatnya pandangan ahli-ahli perancang ekonomi kita.

Tuan Pengerusi, sebagai yang akhirnya, kemajuan sesebuah negara itu bergantung kepada banyak faktor termasuk, ekonomi yang kukuh, keselamatan negara dan taraf teknologi yang dicapai.

Dalam usahanya untuk mencapai pengetahuan sains baru, Kerajaan tidak semestinya mengeneppikan soal teknologi keseluruhannya di negara ini. Contohnya, walaupun kita mempunyai banyak kilang-kilang elektronik di negara ini, hampir semua dari kilang-kilang ini hanya kilang menghimpun sahaja dan penukaran teknologi kepada rakyat Malaysia tidak dilihat atau tiada sama sekali. Kita mesti mencari yang lebih baik dan yang berkekalan. Kita mesti mengakui bahawa pada masa ini kita dalam serba-serbi kekurangan. Negara ini sedang membangun yang tidak mempunyai ahli-ahli teknologi dan sains yang banyak. Saya ingin meminta Kerajaan memberi perhatian penuh ke atas teknologi bermutu tinggi yang biasanya di luar pencapaian pengusaha Malaysia dan menentukan bahawa teknologi yang dimaksudkan dipindahkan kepada rakyat Malaysia dengan secepat mungkin.

Setakat peringkat pembangunan sehingga kini negara kita sekiranya menghendaki pemindahan secara teknologi yang cepat, kita hendaklah memaksa kemajuan melalui tindakan seperti yang saya cadangkan itu. Sekiranya kita menunggu pemindahan teknologi dengan sendirinya, kita mungkin akan senantiasa mendapat teknologi yang hampir lapuk.

Tuan Pengerusi, akhirnya, walaupun saya berasa dukacita oleh kerana peruntukan yang diberi kepada

Kementerian ini terlalu amat kurang, tetapi saya sokong dengan penuhnya (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.10 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak ke atas Kementerian saya.

Sebagaimana semua Ahli Yang Berhormat telah maklum, oleh kerana keadaan kemerosotan ekonomi dunia yang menimpa negara kita, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berjimat cermat dengan mengurangkan perbelanjaan awam. Dengan demikian, Belanjawan tahun 1983 bagi Kementerian saya adalah mengikut langkah-langkah tersebut. Namun demikian, Kementerian saya telah menggunakan keadaan ini untuk mengkaji semula keutamaannya untuk menjamin supaya segala aktiviti yang dilaksanakan itu tidak menjejaskan peranan utama Kementerian dalam mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru.

Tempoh ini adalah satu tempoh consolidation di mana Kementerian saya cuba menggunakan segala peruntukannya untuk mencapai hasil yang optima. Semoga dengan cara ini Kementerian saya akan mencuba bukan sahaja untuk mengekalkan tahap yang wujud sekarang, tetapi meningkatkan lagi keupayaan dan kecekapannya.

Merujuk kepada perkara mengenai Alam Sekitar, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah berjaya dalam beberapa usaha untuk membersihkan alam sekeliling

di negara kita. Dengan pelaksanaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya, Kementerian saya telah dapat mengawal pencemaran yang berpunca daripada beberapa industri, seperti industri kelapa sawit dan getah. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah tidak dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan oleh sebab kekurangan kakitangan dan kewangan untuk menjalankan tugas-tugas Kementerian saya dengan sepenuhnya.

Untuk membantu Kementerian saya dalam usaha membersihkan alam sekeliling, saya berharap apabila rancangan pembangunan digubalkan, umpamanya, di dalam usaha pengezonan (zoning) dan penempatan industri-industri dan perumahan, ulasan dan nasihat dari Kementerian saya diambilkira oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan supaya pembangunan negara tidak akan membawakan kesan-kesan yang buruk kepada alam sekeliling kita.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Saya tidak beri jalan, sebab jawapan saya panjang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak beri jalan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Saya percaya lain-lain Kementerian dan agensi Kerajaan akan memberi sumbangan yang penuh kepada usaha Kementerian saya untuk membersihkan alam sekeliling kita.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas komen yang membina daripada Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

Seperti Dewan yang mulia telah dimaklumkan dahulu bahawa Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah berusaha untuk membaiki kualiti alam sekeliling, termasuk penubuhan Pejabat-Pejabat Wilayah supaya memberi perkhidmatan yang lebih cepat dan cekap.

Sebenarnya rancangan penubuhan Pejabat Wilayah di setiap negeri, termasuk Kedah, telah disediakan. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, oleh kerana kemerosotan ekonomi seperti saya katakan tadi, rancangan ini terpaksa ditangguhkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Bahagian Alam Sekitar di Wilayah Utara yang bertempat di Butterworth adalah bertanggungjawab juga kepada negeri Kedah, Perlis, Perak dan bukan ke atas Pulau Pinang sahaja.

Berkenaan dengan sebuah kilang racun di Kuala Kedah, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa berikutan dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya, pada keseluruhannya keadaan pencemaran yang berlaku pada tahun kebelakangan telah pun pulih dan petani-petani di sekitar kilang tersebut telah dapat menanam padi. Pada 5hb September tahun ini, saya sendiri telah melawat kilang tersebut dan didapati bahawa keadaan alam sekitar adalah memuaskan dari segi kawalan pencemaran.

Berhubung dengan pencemaran di Sungai Merbok, saya suka memaklumkan bahawa kajian yang dijalankan oleh Bahagian Alam Sekitar telah menunjukkan bahawa kualiti air Sungai Merbok telah bertambah baik dibandingkan dengan

kualiti air pada tahun 1980. Langkah-langkah kawalan terhadap kilang-kilang getah telah mencapai matlamat di mana beban pencemaran telah dikurangkan dan didapati hanya kemudahan domestic masih menjadi masalah dan perkara ini akan dikemukakan untuk tindakan Kerajaan tempatan.

Kementerian berterima kasih pula atas minat Ahli Yang Berhormat dari Jerai atas kegiatan-kegiatan penyelidikan sains dan teknologi yang dijalankan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian saya, terutama sekali SIRIM dan PUSPATI.

Saya ingin memaklumkan di sini bahawa PUSPATI kini telah mula beroperasi dengan siapnya kompleks yang dibina di Bangi. Dengan itu, PUSPATI akan dapat memainkan peranannya dalam bidang penyelidikan dan penggunaan sains dan teknologi nuklier dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, PUSPATI telah bergiat di dalam aktiviti-aktiviti lain, seperti memberi khidmat nasihat kepada pengguna-pengguna teknologi nuklier, menjalankan kursus-kursus latihan dengan menggunakan kemahiran dan kepakaran yang ada di PUSPATI. PUSPATI juga terlibat dengan institusi-institusi lain, seperti MARDI, Institut Penyelidikan Getah dan institusi-institusi pengajian tinggi dalam menjalankan penyelidikan-penyelidikan sains dan teknologi di mana teknik-teknik nuklier digunakan.

Merujuk kepada persoalan Ahli Yang Berhormat dari Jerai, SIRIM telah menjalankan penyelidikan dengan tujuan untuk membangunkan negara, khasnya kuasa meninggikan taraf hidup rakyat dan menambahkan perkembangan industri, terutamanya industri-industri sederhana dan kecil. Banyak industri telah menerima

bantuan SIRIM dari segi perkhidmatan perundingan, teknikal dan lain-lain.

Rakyat luar bandar juga telah diberi bantuan di dalam teknologi yang sesuai untuk mereka seperti teknologi biogas, penggunaan bahan-bahan pembinaan yang murah dan sebagainya.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kluang berkenaan dengan cadangan mengezonkan (zoning) industri ke kawasan tertentu dan bagi permohonan perindustrian dirujukkan kepada Kementerian saya. Sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah menyediakan satu garis panduan bertajuk: "Garis Panduan bagi Menempatkan dan Mengezonkan Perindustrian" bagi kegunaan Kerajaan Negeri dan agensi-agensi pembangunan seperti Perbadanan Kemajuan Negeri supaya kilang dapat ditempatkan di kawasan yang sesuai. Saya sukacita memerhatikan juga Kerajaan-Kerajaan Negeri serta agensi-agensi pembangunan telah semakin sedar terhadap masalah pencemaran dan Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya sedang memberi segala pertolongan bagi mengkaji kes-kes yang dirujuk untuk menentukan kesesuaiannya.

Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, untuk makluman Dewan yang mulia ini, perundingan telah pun dimulakan di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia dengan Kementerian Alam Sekitar, Singapura semenjak 3 tahun yang lalu dan sedang dilanjutkan secara tahunan.

Berhubung dengan kilang-kilang di Batu Pahat, pada keseluruhannya kilang-kilang di sekitar Batu Pahat

adalah dikawal di bawah peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan sejak tahun 1979. Walau bagaimanapun, masalah bau busuk yang masih terdapat boleh dikatakan berpunca daripada perusahaan-perusahaan kecil, khususnya perusahaan keluarga, misalnya kilang-kilang sago dan ubi. Perusahaan seperti ini adalah sangat kecil dan tidak dapat melaksanakan teknologi biasa bagi mengawal pelepasannya. Memandangkan kos yang prohibitif. Oleh yang demikian, Kementerian yang sedang berusaha menentukan teknologi kos rendah yang dapat dilaksanakan oleh perusahaan-perusahaan kecil seperti ini.

Berkenaan dengan bahaya tantulum yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, saya suka menjelaskan bahawa adalah didapati bahawa keputusan daripada contoh awal adalah didapati tidak conclusive maka satu pasukan penyiasatan khas telah ditubuhkan terdiri daripada PUSPATI, Bahagian Alam Sekitar, Jabatan Penyiasatan Kajibumi.....

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, saya ingin beri penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri beri jalan atau tidak?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Saya akan jelaskan lepas habis ini.

Tuan Karpal Singh: Boleh beri jalan?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan. Yang Berhormat sila duduk! (*Disampuk*).

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Jangan membuang masalah!

Tuan Pengerusi: Apa kata Yang Berhormat? Tadi kata apa sebelum Yang Berhormat duduk? Ada kata apa?

Tuan Karpal Singh: Kacau punya Menteri, tentulah beri jalan, jikalau Ahli Yang Berhormat minta jalan oleh kerana tentu ada penjelasan....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri tidak ingin beri jalan.

Tuan Karpal Singh: Tidak boleh Menteri tolak bila Ahli minta penjelasan, kenapa dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Jikalau Menteri boleh beri jalan—Menteri punya kewajipan lagi berat, bukan sebagai Ahli Yang Berhormat sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat duduk dahulu.

Tuan Karpal Singh: Ya.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Pasukan penyiasatan daripada Puspati, Bahagian Alam Sekitar, Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah ditubuhkan, dan setakat ini satu pasukan penyiasatan terdiri daripada pakar-pakar dari Puspati sedang menjalankan penyiasatan lanjut di Pulau Pinang bagi menentukan keadaan sebenarnya. Saya suka menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa segala tindakan yang wajar akan diambil bagi melindungi kesihatan orang ramai dari punca pencemaran ini.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Beri jalankah Yang Berhormat Menteri?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Saya tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Tak mahu beri jalan.

Tuan Pengerusi: Sila duduk Yang Berhormat. Menteri tidak beri jalan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih ke atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas untuk melindungi kawasan Taman Negara dan rezab hidupan liar bagi melindungi dan memelihara....

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Menteri bercakap kuat sedikit.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Sekarang ini untuk kuatkan suara bukan dari saya, dari microphone.

....bagi melindungi dan memelihara kekayaan flora dan fauna dan kekayaan warisan negara ini.

Di Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhilitan telah dapat mewujudkan kawasan seluas tidak kurang dari 6% untuk tujuan tersebut. Di Sarawak terdapat 2%, begitu juga dengan Sabah sebanyak 2%. Juga terdapat undang-undang khusus bagi tujuan konservasi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang dan akan terus berusaha untuk menambahkan lagi keluasan kawasan-kawasan tersebut. Mulu telah pun diwujudkan sebagai sebuah lagi taman negara. Satu Master Plan siap dibuat untuk memajukan taman tersebut untuk kenikmatan rakyat.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Belanjawan Kementerian saya. Akhir sekali, Tuan Pengerusi, suka saya menyatakan di sini bahawa lain-lain perkara yang telah dibangkitkan sama ada secara langsung atau tidak sewaktu perbahasan ini, tetapi tidak disentuh di dalam ucapan ini akan diberi perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$32,013,600 untuk Maksud B. 49 dan \$8,026,500 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$32,013,600 untuk Maksud B. 49 dan \$8,026,500 untuk Maksud B. 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$18,457,900 yang disebutkan dalam Maksud P. 49 dan \$1,259,060 untuk Maksud P. 50 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$18,457,900 untuk Maksud P. 49 dan \$1,259,060 untuk Maksud P. 50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 51, B. 52, B. 53, B. 54, B. 55, B. 56 dan B. 57 (Jadual)—

Maksud P. 51, P. 52, P. 53, P. 54, P. 55, P. 56 dan P. 57 (Anggaran Pembangunan 1983)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 51 hingga B. 57 dan Kepala Pembangunan P. 51 hingga P. 57 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

5.35 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahas berkenaan dengan Maksud

Pembangunan P. 51 bagi Kementerian Pengangkutan khususnya surat 506, 507 bagi projek 4 hingga 29 iaitu bagi Keretapi.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengatakan bahawa saya merasa gembira dan juga bimbang apabila saya dapati bahawa peruntukan pembangunan bagi Keretapi Tanah Melayu dinaikkan dari lebih kurang \$8 juta bagi tahun 1981 kepada \$122 juta bagi tahun 1982 dan selanjutnya lebih kurang jumlahnya \$309 juta bagi tahun 1983 termasuk pinjaman. Saya berasa gembira kerana sudah sampai masanya untuk dikemaskinikan kemudahan-kemudahan Keretapi Tanah Melayu.

Sebenarnya saya ingin menceritakan sedikit pengalaman saya sendiri baru-baru ini, iaitu pada 1hb Ogos, saya menaiki keretapi dari Ipoh ke Pulau Pinang bersama-sama dengan seorang rakan. Pada kebetulannya pada hari itu tidak ada koc Kelas I, tetapi tidak mengapa saya boleh menaiki koc Kelas II. Kerana pada hari itu penuh sesak maka saya tidak ada tempat duduk, harus duduk di atas lantai. Itu pun tidak mengapa kerana itu memberikan satu kesempatan kepada saya untuk memerhati kedudukan di dalam koc-koc Kelas II dan juga koc-koc Kelas III. Didapati bahawa keadaan dalam koc itu sebenarnya terlalu penuh sesak, sehingga terdapat ramai orang bukan saya sendiri sahaja yang duduk di atas lantai. Jadi saya mengambil kesempatan untuk bersembang sedikit dengan Guard dan juga pegawai-pegawai lain dan didapati bahawa sebenarnya agak susah bagi pihak Keretapi untuk meramalkan jumlah penduduk bagi tiap-tiap perjalanan itu dan juga jumlah penumpang sebenarnya seasonal (bermusim) bergantung kepada cuti ataupun hari minggu dan sebagainya. Maka saya mengakui bahawa ini ialah satu masalah iaitu dari segi ramalan bilangan penumpang

yang akan menaiki keretapi pada suatu hari itu. Akan tetapi saya berpendapat bahawa mungkin pihak keretapi boleh mengadakan koc-koc stand-by di stesen-stesen yang besar, misalnya di Ipoh, Kuala Lumpur atau di Butterworth. Iaitu, sekiranya pada satu hari itu didapati sesak maka koc-koc ini boleh ditambahkan dengan segera supaya dapat mengurangkan keadaan yang sesak itu. Saya juga berharap bahawa dengan pinjaman sejumlah \$41 juta yang diperuntukkan itu, maka kita dapatlah mengurangkan keadaan yang seperti ini.

Pada hari itu saya juga dapat peluang untuk memerhati sedikit perkhidmatan atau kantin dan didapati kurang memuaskan kerana harga itu tinggi, tetapi makanan yang didapati itu sebenarnya sangat berkurangan. Bagi satu pinggan mihun misalnya yang sekecil ini sahaja dicajnya \$2, dengan tidak ada udang atau apa-apa, hanya mihun dan sedikit sayur sahaja. Jadi saya pun membincangkan perkara ini dengan pihak pembekal ataupun caterer, maka didapati bahawa mungkin salah satu sebabnya makanan yang diberi itu sedikit dan harganya itu tinggi ialah kerana ongkos ataupun harga tender itu agak tinggi sedikit.

Kalau tak silap saya tender itu ialah lebih kurang \$2,000 sebulan, maka pihak pembekal haruslah menaikkan harga dan mengurangkan amaun makanan yang diberi itu. Maka saya berharap bahawa pihak Keretapi akan memberi perhatian kerana kebanyakan penumpang-penumpang terdiri daripada orang yang berpendapatan rendah.

Sebabnya saya merasa bimbang ialah kerana pinjaman yang sejumlah \$243 juta ini diberi kepada Keretapi Tanah Melayu dan saya pun merasa ragu-ragu sedikit sama ada Keretapi

Tanah Melayu berkemampuan untuk membayar balik pinjaman itu. Ini ialah kerana setahu saya tiap-tiap syarikat keretapi di dunia ini, sama ada syarikat awam ataupun syarikat swasta sedang mengalami kerugian. Ini ialah oleh kerana keretapi haruslah menghadapi persaingan yang begitu hebat daripada jenis-jenis pengangkutan yang lain. Maka oleh itu saya ingin menyeru pihak Keretapi Tanah Melayu untuk mengkaji langkah-langkah untuk menjimatkan perbelanjaan dan di samping itu untuk meningkatkan lagi kecekapan dan mengurangkan pembaziran sekiranya boleh. Adalah sangat penting bahawa perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu ini dilanjutkan kerana ini merupakan satu jenis pengangkutan yang sesuai untuk orang ramai. Sungguhpun terdapatlah persaingan daripada bas dan juga teksi, tetapi saya dapati bahawa pada amnya orang ramai masih memilih keretapi sebagai satu jenis pengangkutan, terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Dengan itu saya ingin menyokong peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pengangkutan dengan harapan bahawa kecekapan perkhidmatan dan sebagainya dapat ditingkatkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Labis.

5.43 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan 51, Butiran 1100, Program (1) dan (2).

Pada keseluruhannya prestasi Kementerian ini adalah membanggakan dan saya harap kejayaan-kejayaan yang telah dicapai setakat ini dapat dikekalkan. Mungkin prestasi di masa akan datang dapat dipertingkatkan lagi. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang perlu saya utarakan bagi perhatian pihak Kementerian ini.

Di bawah program (2) (b) Pengangkutan Udara, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Kementerian adakah benar iaitu perbincangan-perbincangan mengenai hak mendarat (landing rights) bagi MAS dengan negara Korea Selatan dikaitkan dengan pemberian kontrak-kontrak binaan di negara ini yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat pembinaan Korea Selatan. Jika sekiranya ini benar, apakah sebab-sebab mengapa perjanjian hak mendarat di antara Malaysia dan Korea Selatan ini masih belum mendapat penyelesaian yang memuaskan walaupun ada kontrak-kontrak binaan yang besar yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat pembinaan Korea Selatan di negara kita ini. Adakah Kerajaan bercadang hendak menggunakan strategi ini untuk perbincangan-perbincangan hak mendarat dengan negara-negara lain dan sejauh manakah strategi ini akan memberikan keuntungan kepada negara kita. Kita juga selalu mendengar kegagalan pihak Kementerian mendapatkan hak-hak mendarat yang memuaskan dari negara-negara lain. Kementerian mestilah mengkaji dengan secara terperinci mengenai perkara ini pada keseluruhannya. Adakah kegagalan kita disebabkan oleh negotiators yang tidak cekap ataupun tidak berpengalaman dan jika sangkaan ini benar, saya syorkan supaya pihak Kementerian mendapatkan nasihat dari pakar-pakar profesional yang boleh memberi pandangan-pandangan yang mungkin dapat mengatasi masalah-masalah seperti yang di-perkatakan.

Tuan Pengerusi, Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai di Johor Bahru telah digunakan beberapa tahun yang lalu dan saya difahamkan iaitu ada rancangan-rancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Senai itu sebagai pusat pengendalian barangan udara (air cargo centre) yang

akan mengendalikan perjalanan melalui udara barangan-barangan di negara-negara sekitaran Malaysia ini. Saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengkaji dengan mendalam akan soal ini, ini memandangkan bahawa terdapat kawasan-kawasan industri di negeri Johor yang mungkin mahu menggunakan perkhidmatan barangan dengan udara melalui lapangan terbang ini. Jika kita tidak dapat berbuat sebagaimana yang dirancang itu mungkin ini akan mendatangkan satu kerugian oleh kerana mereka yang berhajat hendak menggunakan kemudahan-kemudahan (facilities) seperti yang sepatutnya dapat diadakan di lapangan terbang itu akan mengalihkan pandangan mereka kepada lapangan-lapangan terbang yang terdapat di negara jiran, iaitu di Singapura.

Satu lagi perkara yang harus diteliti ialah masalah pengendalian penerbangan (air traffic clearance) di selatan Semenanjung. Sebagaimana yang saya difahamkan bahawa perkara ini ialah di bawah jagaan pihak berkuasa penerbangan di Singapura. Jika ini betul kita perlu mengawal semua penerbangan keluar-masuk melalui pusat-pusat kawalan udara kita sendiri. Jika ketidakupayaan kita ini disebabkan oleh kesusahan ataupun kesulitan untuk mendapatkan pengawal-pengawal penerbangan (Flight controllers) yang berpengalaman, usaha-usaha positif mestilah diambil untuk melatih mereka. Sekolah Penerbangan Awam mestilah meneliti dengan serius akan perkara ini dan mengadakan kursus-kursus yang sesuai untuk memenuhi kehendak ini.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.49 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong peruntukan Kementerian Pengangkutan dalam Bekalan 51, Program (c) Kempen Majlis Keselamatan Jalan raya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum sekarang ini nampaknya keadaan jalan raya kita dan juga kemalangan yang berlaku makin sehari makin bertambah, ini disebabkan oleh beberapa sebab. Mungkin satu daripada sebabnya kita katakan kelalaian pemandu ataupun mungkin kenderaan yang dimiliki oleh pemandu itu tidak baik, tetapi dalam pada itu bagi pihak Kerajaan banyak perkara-perkara yang dapat memberi pertolongan, walaupun tidak di bawah Jabatan ini tetapi jalan raya yang baik adalah mengurangkan berlakunya kemalangan, selain daripada itu tanda-tanda jalan raya. Tetapi apa yang saya hendak menekankan di sini ialah Kempen Keselamatan Jalan raya yang sekarang ini tidak menyeluruh, tidak sampai kepada pihak yang benar-benar menggunakan jalan raya itu.

Misalnya Kempen Keselamatan Jalanraya ini hanya diberi kepada mereka yang tidak memandu, hanya kepada anak-anak sekolah, kumpulan-kumpulan dan kepada mereka yang tidak menggunakan jalan raya. Tetapi Kempen Keselamatan Jalan raya ini sepatutnya ditujukan atau diadakan satu hari kepada pemandu-pemandu atau orang yang bertanggungjawab menggunakan jalan raya ini. Dengan perkataan lain, di dalam Kempen Keselamatan Jalan raya ini setidaknya mengadakan seminar ataupun perjumpaan ataupun memberi satu latihan sekurang-kurangnya kalau tidak latihan menguji tetapi latihan cekap terhadap pemandu-pemandu yang mengguna-

kan jalan raya terutama pemandu-pemandu yang menggunakan kenderaan-kenderaan berat misalnya lori, bas dan sebagainya. Jadi dengan Kempen Keselamatan Jalan raya ini kepada murid-murid sekolah sebagaimana yang dijalankan dan kepada orang-orang awam itu adalah baik dan kita memberi pujian tetapi latihan kepada mereka yang bertanggungjawab, kepada pemandu-pemandu yang telah lulus ujian ini tidak diadakan sesuatu cara untuk mengubah sikap mereka supaya mereka itu memandu mengikut peraturan yang ada.

Majlis Keselamatan Jalan raya ini harus memikirkan satu cara yang boleh memberi kepada mereka itu satu latihan yang baik supaya mereka itu bersabar dan menggunakan jalan raya dengan betul. Jadi ini kembalilah kepada penggunaan latihan kepada drebar-drebar bas mini. Di Kuala Lumpur ini kalau kita tengok bas mini ini drebarnya sangat dahsyat sekali. Mereka ini bukan sahaja memandu dengan laju tetapi mereka ini juga tidak mengindahkan syarat-syarat jalan raya, tidak mengindahkan lain-lain pemandu; ada celah—masuk. Jadi inilah yang menyebabkan kemalangan berlaku dan juga boleh mengendalakan keadaan kesesakan jalan raya.

Kita tahu mereka ini adalah untuk mengambil passenger sebanyak-banyak yang boleh tetapi dengan keadaan ini membuktikan bahawa mereka ini tidak mempunyai sikap yang baik kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Jadi saya mengesyorkan kepada pihak ini membuat satu latihan bahawa bersimpatilah dengan orang-orang lain yang juga hendak menggunakan jalan raya dan pula kadang-kadang biarlah saya menggunakan perkataan “samseng”; drebar-drebar begitu samseng sekali. Dengan keadaan cara itu jadi drebar lain pun rasa sakit hati dengan cara yang dibuatnya.

Dengan peruntukan ini saya kembali kepada Maksud B. 57 Program (6) Penguatkuasaan.

Setakat ini saya rasa satu masa dahulu memang kita dengar bahawa pihak Pengangkutan Jalan telah mengambil tindakan terhadap bas mini ini menyebabkan mereka itu mogok dan tidak mahu berjalan, seolah-olah mereka ini lebih berkuasa daripada Jabatan Pengangkutan Jalan. Jadi dengan cara itu saya rasa pihak Pengangkutan Jalan hendaklah menggunakan penguatkuasaan yang lebih tegas lagi bagi menentukan bahawa bas-bas mini dalam bandar ini tidak akan memandu dengan keadaan yang merbahaya.

Di dalam Penguatkuasaan ini juga kita dapati banyak keadaan lori ataupun bas juga; bas persiaran ataupun ekspres dengan keadaan yang laju iaitu lebih daripada had yang tertulis di belakang. Jadi setakat ini kita tidak tahu sebanyak manakah Jabatan Pengangkutan Jalan, pihak Penguatkuasaan ini telah mengambil tahu tentang perkara ini. Saya mengesyorkan supaya kita tidak perlu takut kepada keadaan atau kepada pemandu-pemandu yang merbahaya seperti ini kerana sebagaimana yang kita tahu di tangan mereka itu banyak nyawa-nyawa di belakang yang harus mereka jagai. Jadi kalau mereka hanya untuk mengejar keuntungan, untuk lari sederas-deras yang boleh tanpa satu penguatkuasaan yang begitu berkesan, saya rasa tidak akan memberi faedah di dalam bahagian Penguatkuasaan ini.

Saya rasa kalau kita tunggu tiap-tiap malam ataupun dengan keadaan ini di antara jalan-jalan yang ada bas ekspres, saya rasa keadaan penguatkuasaan ini akan dapat dilakukan walaupun kompeni-kompeni yang besar kalau sekiranya hendak menguatkuasakan perkara ini saya rasa adalah lebih baik. Ini demi keselamatan orang ramai.

Selain daripada itu Maksud B. 54 iaitu Jabatan Penerbangan Awam.

Di sini dari segi peruntukan mengurus tidak ada kerana Jabatan ini mempunyai satu syarikat, satu badan perniagaan yang Kerajaan telah memberi pinjaman sebanyak \$160,138,725. Jadi dengan badan yang dijalankan ini dengan peruntukan yang begitu besar daripada Kerajaan, apakah pihak Jabatan Penerbangan ini tidak berkehendakkan untuk menjualkan sahamnya kepada Perbadanan Nasional Berhad walaupun Jabatan ini pihak MAS menanggung kerugian tetapi kemungkinan dari jangkaan panjang Jabatan ini akan memperoleh keuntungan apabila adanya lapangan-lapangan terbang baru dengan banyaknya duit yang dilakukan pada masa akan datang. Jadi saya mencadangkan kepada pihak Jabatan Penerbangan Awam ini membenarkan sahamnya dijual kepada Perbadanan Nasional Berhad supaya Perbadanan ini dapat menolong dan membantu ataupun dari segi kewangan kepada Jabatan Penerbangan Awam ini di samping mencari keuntungan sekiranya mendapat untung.

Selain daripada itu saya suka juga hendak kembali kepada Jabatan Pengangkutan Jalan, Program (4) Pengujian dan Lesen Pemandu-pemandu.

Sekarang ini kita tahu latihan memandu kita beri kepada satu badan iaitu badan swasta untuk menguruskan lesen-lesen pemandu ini. Tetapi sejauh yang kita tinjau bahawa badan-badan ini hanya bukan mengajar pemandu dengan sebenarnya, hanya mengajar untuk lulus mendapat lesen sahaja kerana kita tahu mereka ini apa yang penting ialah penuntutnya lulus, tidak dimaksudkan bahawa melatih mewujudkan seorang drebar yang baik.

Untuk meluluskan drebar ini selain daripada mengajar dengan keadaan yang lebih kurang adalah cara-cara yang kita tidak payah cerita, semua orang tahu, untuk mendapat kelulusan mendapat lesen memandu, bukan saya hendak menimbulkan tentang cara-cara yang dijalankan, apa yang penting ialah saya minta supaya pihak Jabatan ini mengadakan satu Sekolah Latihan Pemandu yang dikuasai oleh Kerajaan atau yang dikuasai oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sendiri, supaya latihan pemandu ini benar-benar untuk melatih pemandu bukan untuk melatih pemandu bagi mendapat lesen.

Selain daripada untuk latihan memandu untuk mendapat kelulusan dan benar-benar untuk belajar memandu tetapi juga akan mengajar sikap semasa memandu dan mengajarkan keadaan bahaya ataupun tidak dan juga perkara-perkara yang patut diingat semasa memandu kerana Sekolah Latihan Pemandu ini yang di bawah anjuran Kerajaan saya rasa memberi latihan yang berkesan atau memberi keadaan yang lebih baik kepada pemandu untuk mendapatkan lesen. Jika keadaan ini diadakan oleh pihak Kerajaan saya rasa perkara-perkara latihan sambil lewa itu tidak timbul lagi oleh kerana pihak Jabatan ini akan benar-benar menjalankan latihan supaya kita melahirkan pemandu yang benar-benar.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa dengan beratus-ratus kadang-kadang berbaris-baris orang untuk mendapatkan lesen di mana-mana sahaja, kalau Jabatan Pengangkutan Jalan ini penuh dengan orang, dengan keadaan yang ada begitu, pengujian-pengujian kita pun manusia juga, dia itu tentulah tidak akan dapat membuat pengujian yang lebih baik. Dengan keadaan itu saya rasa Sekolah Latihan Pemandu ini bagi mencari pemandu yang benar-benar boleh memandu dan memahami benar tentang pemandu

ini. Sebab itulah Sekolah Latihan Pemandu di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan adalah perlu.

Selain daripada latihan-latihan kepada mereka kadang-kadang pemandu-pemandu ini ada lesen tetapi motokarnya tiada. Apabila ada lesen motokar tiada maka sampai setahun, dua tahun, tiga tahun tidak bawa motokar. Begitu juga pemandu lori ada lesen tetapi tidak dapat kerja memandu lori maka lesen dipegang sampai dua tiga tahun. Keadaan ini menyebabkan mereka itu tidak mahir di dalam memandu tetapi mereka ini berhak boleh memandu. Keadaan ini jugalah kalau sekiranya pihak yang berkenaan dapat menentukan orang yang mendapat lesen itu boleh memandu kenderaan dan kalau mereka hendak memandu bagi menentukan mereka itu mahir dalam memandu walaupun kita kata banyak orang mempunyai lesen tetapi tidak memandu, jadi cara mereka itu mendapat kemahiran adalah penting.

Latihan-latihan sama ada melalui Latihan Sekolah Pemandu ini ataupun latihan-latihan lain patutlah diadakan supaya pemandu-pemandu ini benar-benar mempunyai latihan yang cukup bagi mencapai taraf pemandu yang baik demi untuk keselamatan jalan raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sibü.

6.05 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Bandar Sibü): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I wish to touch on Head B. 53, Butiran (Kod) 1100 Gaji dan Upahan, Program (3) and (4). This House is asked to approve an allocation of \$1,154 million for the Transport Ministry for the year 1983.

I note with concern that under Maksud Bekalan allocation for Marine Services in the States of Sarawak and

Sabah has been cut by \$9.81 million from the 1982 figure of \$28.54 million to the 1983 level of \$17.73 million representing a reduction of 34.4%.

The reduction of allocation for Marine Services in Sarawak and Sabah will certainly affect the provision of infrastructure services in those two States. As in Sarawak, where land transportation is still on an infantile stage, and MAS provide inadequate service at best, marine transport has come to play the role of "life-line", especially for freighting of goods.

In order to improve marine services, I propose that the Government should set up a Marine College in order to provide skilled manpower covering the entire range of needs for the marine transport services in Sarawak. Although every year crewmen examinations are held, but training is usually concentrated on the practical aspect of sea navigation. A complete Marine College could supplement this practical training with a sound theoretical foundation.

A Marine Navigation School, previously set up in Sibuluan, was closed down due to insufficient facilities and lecturers. At a time when vessels plying the ports of Sarawak are on the increase, there is a severe shortage of skilled navigational personnel, marine mechanics and operators of all kinds. A Marine College is essential to ensure there is a steady supply of marine manpower in order to meet these increasing needs.

The Government has also stipulated that vessels plying between Peninsular Malaysia and Sabah/Sarawak must apply for a domestic licence, and one condition for granting the domestic licence is the restructuring of the shipping companies, giving 30% equity to bumiputeras.

Tuan Pengerusi, we in the DAP do not oppose the concept of the New Economic Policy of achieving 30% target participation by the bumiputeras by the year 1990 in the corporate sector; we do not oppose the Government's effort in encouraging more bumiputera participation in the shipping industry. But in the case of Sarawak, this is a problem.

Tuan Pengerusi, the shipping industry is capital-intensive. To look for bumiputeras to pay out 30% equity in a shipping company in Sarawak is not as easy as it seems, unless an "Ali-Baba" arrangement is made. The regulation requiring existing shipping companies to apply for domestic service with the restructuring requirement has meant that there are few Sarawak registered vessels able to freight goods to Sabah/Sarawak from Peninsular Malaysia. The loss of service is finally passed down to the people of Sarawak.

Here I would also like to raise the problem of ferry services between Kampung Illir, Kampung Nanka and Sungai Bidut, Engkilo in Sibuluan. The Government has taken no less than 10 years to implement this minor project, with nothing to show except a 6-foot wide landing on either bank of the river, with no road leading to these landings. And there is no sign of a landing. Government efficiency is totally absent here, and money spent on constructing the landings is public funds wasted.

To conclude, I wish to protest that the Sarawak Minister of Transport approved the use of three 350 horsepower express boats on the Rajang River at the height of the recent election campaign. According to Marine Regulations, any vessel with an engine of 350 horsepower is not allowed to be used to prevent erosion at the bank of the Rajang River. Let

me further point out that subsequent applications of a similar nature were never approved.

I call on the Government to investigate into the matter to ensure that there is no abuse of power by the Minister concerned and to recover the people's confidence in the Rule of Law in Malaysia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Mas.

6.12 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Maksud Bekalan B. 55, Butiran 1100, Program (1) Pengurusan dan Pengendalian Lapangan Terbang di muka surat 532.

Tuan Pengerusi, perkhidmatan penerbangan awam merupakan satu cara pengangkutan yang amat penting di Sarawak. Ini adalah kerana infrastruktur seperti jalan raya masih lagi ketinggalan kalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Selain daripada perkhidmatan penerbangan awam dan jalan raya, penduduk-penduduk di Sarawak dapat menggunakan sungai-sungai yang banyak. Selain daripada cara-cara pengangkutan yang saya telah sebutkan tadi, ada golongan rakyat juga yang berjalan kaki dari kampung ke kampung dan dari kampung ke bandar. Sebagai misalan, penduduk-penduduk dari Bakalalan, Long Semadoh dan Bario apabila mereka hendak pergi ke bandar Lawas terpaksa berjalan kaki selama satu hingga dua minggu. Mereka terpaksa berjalan kaki oleh kerana tidak ada jalan raya ataupun sungai-sungai yang mereka dapat gunakan walaupun ada wujudnya penerbangan MAS. Penerbangan MAS ke tempat-tempat ini kerap kali dibatalkan khususnya di musim peak months, yakni penghujung setiap tahun.

Tuan Pengerusi, saya berasa dukacita apabila teringat tentang masalah yang mereka hadapi ini, sedangkan rakyat lain hidup berkemewahan, dapat menikmati dengan penuh kemudahan-kemudahan infrastruktur di negara ini. Penghuni-penghuni di kawasan pendalaman dan di kawasan pergunungan hidup di dalam penderitaan oleh kerana hubungan mereka dengan bandar-bandar terputus yang bukan pilihan mereka. Memandangkan perkara tersebut, saya merasa terperanjat dan kecewa apabila saya sedar baru-baru ini bahawa tambang dalam sektor penerbangan perkhidmatan udara luar bandar (rural air service) dinaikkan.

Tuan Pengerusi, penerbangan-penerbangan yang dikenakan kenaikan di antara lain ialah penerbangan di antara tempat-tempat berikut:

Antara Lawas ke Long Semadoh; Lawas ke Long Sukang, Lawas ke Bakalalan, Sibu ke Mukah, Sibu ke Kapit. Dari Lawas ke Limbang, Lawas ke Miri. Dari Miri ke Marudi, Miri ke Long Lelang dan Miri ke Long Seridang.

Anihnya, penerbangan dari Miri ke Bario tidak dinaikkan. Saya telah menerima aduan dari penduduk-penduduk di tempat yang terlibat dengan kenaikan tambang ini dan mereka tidak berpuas hati. Alasan mereka ialah kenaikan tambang ini adalah beza membeza, memandangkan tambang sektor penerbangan dari Miri ke Bario tidak dinaikkan. Apakah rasional Kerajaan menaikkan tambang dalam sektor penerbangan khususnya penerbangan perkhidmatan udara luar bandar ke tempat-tempat luar bandar di Sarawak dan tidak penerbangan dari sektor Miri ke Bario walaupun Bario itu adalah satu tempat di pendalaman juga.

Tuan Pengerusi, saya bukan cemburu oleh kerana tambang kapal terbang dari Miri ke Bario tidak dinaikkan, tetapi yang mendukacitakan saya ialah kenaikan tambang tersebut harus dikenakan kepada semua tempat-tempat di luar bandar supaya semua orang dapat menikmati faedah kekurangan tambang penerbangan kalau ada dan semua juga dapat memikul beban bersama akibat naiknya tambang penerbangan tersebut. Jikalau tambang ke tempat di luar bandar itu dinaikkan, kenaikan itu harus merangkumi semua tempat di luar bandar di Sarawak supaya kenaikan itu lebih adil bagi semua penduduk-penduduk yang dipergunungan.

Adalah seruan saya, Tuan Pengerusi, supaya Kerajaan dapat menimbangkan semula kenaikan tambang yang baru dikenakan ke sektor penerbangan perkhidmatan udara di luar bandar di Sarawak supaya kenaikan itu di selaras kesemua tempat. Lebih baik lagi kenaikan itu ditarik balik supaya tambang yang dahulu dikenakan. Pada hemat saya perkhidmatan penerbangan udara di luar bandar ini merupakan satu pertolongan sosial (social help/social assistant) kepada penduduk-penduduk di luar bandar yang miskin dan Kerajaan harus melonggarkan dasarnya mengenai perkhidmatan penerbangan udara di luar bandar ini.

Tuan Pengerusi, jikalau tambang di sektor perkhidmatan penerbangan udara di luar bandar dinaikkan Kerajaan harus memperbaiki dan memperkemaskan lagi kemudahan-kemudahan yang terdapat di lapangan terbang di luar bandar. Saya berharap supaya Kerajaan dapat membesarkan lapangan-lapangan terbang tersebut oleh kerana setakat ini ada beberapa lapangan terbang di luar bandar yang

masih belum digravel ataupun ditarkan dengan batu. Dengan ini, saya menyokong Anggaran Belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lumut.

6.19 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berucap tentang Maksud Bekalan 51, program (1) (c) Majlis Keselamatan Jalanraya.

Tuan Pengerusi, kemalangan yang ngeri dan dahsyat yang mengejutkan pengguna-pengguna lebuhraya selalu berlaku dan tersiar dalam surat khabar. Dari tinjauan saya kebanyakannya melibatkan lori-lori pengangkutan pada waktu gelap. Tinjauan ini berasaskan pengalaman saya yang melibatkan perjalanan sebanyak 250,000 batu jalan di seluruh Semenanjung Malaysia dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini. Dalam beberapa perjalanan pada waktu malam di Pantai Timur dengan mata kepala saya sendiri, saya pernah berjumpa dengan lembu-lembu yang tidur di tengah jalan.

Tuan Pengerusi, Saya yakin semua Ahli Yang Berhormat Dewan ini dari kawasan utara yang melalui Jalan Tanjong Malim pada hari Isnin ia-itu 22hb November, berpeluang menyaksikan hasil pelanggaran di batu 77½, Jalan Ipoh/Kuala Lumpur yang mengakibatkan tiga maut dan 14 lagi penumpang bas ekspres cedera. Pihak polis Tanjong Malim mensifatkan kemalangan ini sebagai paling teruk dalam tahun ini. Kemalangan seumpama ini berpunca dari lori-lori yang rosak di tengah jalan atau di tepi jalan; punca kedua, ialah enjin-enjin kenderaan moden yang menggalakkan pemandu-pemandu membawa kereta mereka dengan laju. Punca ketiga mungkin ada kaitan dengan pemandu-pemandu yang terlalu letih walaupun

mereka masih gigih untuk meneruskan perjalanan mereka. Jika terdapat kabus tebal yang menyelubungi pemandangan di depan maka kemungkinan besar kemalangan serupa ini akan terus berlaku. Keletihan iaitu satu-satunya "occupational hazard" bagi semua Wakil Rakyat juga mengurangkan ketajaman mata seseorang pemandu. Selalu terdapat lori-lori berat yang lampu belakangnya tercemar sehingga sukar nampak dari jarak dekat pada malam gelap. Oleh itu, kadangkala saya pernah hampir melanggar lori-lori trailer yang berjalan perlahan yang lampu belakangnya tercemar. Dengan lampu belakang yang tidak lagi bercahaya atau langsung tidak bercahaya itu, maka bertambah bahayanya bagi kenderaan-kenderaan persendirian yang berjalan dengan laju dari belakang.

Pada waktu senja di mana pemandangan di sekeliling semakin menjadi gelap, kemungkinan kemalangan di lebuh raya di antara kenderaan-kenderaan persendirian dengan traktor semakin bertambah sebabnya ialah traktor berjalan terlalu perlahan dan bayangnya pun sukar dikesan, walaupun pemandu-pemandu kereta berjalan dengan laju pada 80 km., satu jam sahaja. Tuan Pengerusi, saya rasa lampu "beacon" yang digunakan oleh lori jenis low loader tidak mencukupi kerana sebahagian badan lori itu mencerobuhi sebelah tengah jalan, ini adalah bahaya bagi lalulintas line.

Demi keselamatan semua pengguna jalan raya, saya mencadangkan supaya diperkenalkan peraturan-peraturan baharu yang mewajibkan kenderaan-kenderaan berat traktor-traktor dan sebagainya memasang lampu-lampu tambahan yang cukup terang pada waktu gelap termasuk bahagian kiri, kanan dan belakang dinding. Jadi satu jadual seperti berikut perlu

diwujudkan yang mana lampu-lampu kecil tambahan dipasang di papan tanda kepala lori, di kiri kanan dan belakang dinding masing-masing.

Bagi kenderaan berat dengan muatan BDM 230 ke atas pemasangan tiga lampu kecil di papan kepala lori dan tiga lampu kecil di kiri kanan dan belakang dinding masing-masing;

Bagi kenderaan BDM 360 ke atas—pemasangan lima lampu kecil di papan kepala lori dan lima lampu kecil di kiri kanan dan belakang dinding masing-masing;

Bagi kenderaan BDM 400 ke atas—pemasangan tujuh lampu kecil di papan kepala lori dan tujuh lampu kecil di kiri kanan dan belakang dinding masing-masing. Tujuannya ialah ia akan menjadi petanda awal kepada semua lalulintas line supaya berwaspada, khasnya tentang kenderaan-kenderaan gergasi.

Tuan Pengerusi, saya rasa cara ini akan menurunkan angka-angka kemalangan yang sebahagian besarnya boleh dielakkan.

Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh Belanjawan bagi Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan Datoh.

6.25 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datoh): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong Anggaran Perbelanjaan untuk Kementerian Pengangkutan yang sedang dibahaskan sekarang ini. Saya teruskan menekankan sokongan saya kepada dua orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu dari Pasir Puteh dan baharu ini dari Lumut iaitu menekankan tentang keselamatan jalan raya yang diterangkan tadi di muka surat 501, Butiran 1100, Program 1 (c) Majlis Keselamatan

Jalanraya. Oleh kerana Kementerian Pengangkutan adalah merupakan satu Kementerian yang penting kerana pada hari ini kita tahu bahawa rakyat keseluruhannya adalah berkehendakkan satu kecekapan dalam pelaksanaan kehidupan mereka sehari-hari, maka perhubungan terutama sekali penggunaan jalan raya adalah begitu penting kepada mereka. Ini dapat kita pastikan dengan banyaknya kenderaan-kenderaan yang bertambah dari sebulan ke sebulan ataupun dari setahun ke setahun. Maka dengan sebab itulah kita tidak dapat menafikan bahawa Kementerian Pengangkutan adalah merupakan satu Kementerian yang agak berat tanggungjawabnya terhadap kepentingan umum.

Tuan Pengerusi, tadi saya katakan saya ingin menekankan mengenai keselamatan jalan raya. Baharu ini hari semalam ataupun pada hari semalam kita ada membaca dalam akhbar sebuah bas melanggar lori yang sedang berhenti iaitu di Lebuhraya Tanjong Malim. Perkara ini telah dikatakan saban minggu ataupun rata-rata pada setiap bulan ada sahaja kemalangan yang meragut nyawa kepada pengguna-pengguna, khususnya di dalam kawasan saya sendiri pun yang mana jarak jalan raya lebih kurang iaitu antara Bagan Datoh ke Telok Intan 28 batu boleh dikatakan setiap bulan ada kemalangan berlaku. Di dalam kemalangan itu yang paling mengerikan kematian didapati sama ada oleh pemandu motosikal ataupun pemandu kereta dan sebagainya. Seperti yang diterangkan oleh Wakil daripada Pasir Puteh tadi siapakah yang harus kita persalahkan di dalam kejadian kemalangan ini, sama ada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-Kemudahan Awam oleh kerana jalan raya tidak baik ataupun Kementerian Pengangkutan sendiri ataupun Majlis Keselamatan Jalanraya sendiri oleh kerana ada undang-undang kita yang masih belum begitu

cukup untuk mengawal supaya kejadian-kejadian kematian ataupun pelanggaran yang boleh membawa maut itu berlaku. Saya telah pergi ke sebuah negeri di Timur Tengah khususnya di negeri Arab, di Jeddah, di Mekah dan di Madinah, selama sebulan saya berada di sana, saya tidak berjumpa satu kemalangan jalan raya. Saya telah bertanya apakah undang-undang yang dipakai di negara itu. Saya telah difahamkan undang-undang yang digunakan ialah sesiapa sahaja yang terlibat menyebabkan orang yang dilanggar itu mati dalam pelanggaran, orang yang melanggar dan didapati dia bersalah akan dihukum mati.

Adakah Kementerian Pengangkutan bercadang untuk menimbangkan mengadakan undang-undang tersebut lebih ketat lagi supaya di dalam negara kita ini tidak berlaku berleluasa kemalangan-kemalangan yang dilakukan oleh pemandu-pemandu jalan raya yang sengaja lalai dan cuai seperti saya perkatkan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, ada saya terdengar.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, nanti, sabar ya. Beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Ya?

Tuan Pengerusi: Beri jalan atau tidak, dia hendak minta penjelasan?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Masa tidak cukup, Tuan Pengerusi. Saya ada banyak lagi bahan hendak cakap.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada terdengar tadi.....

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Kalau beri tambah masa, saya beri jalan.

Tuan Pengerusi, saya suka meneruskan kepada Maksud B. 57, muka surat 551, Butiran 1100, Program (4) berkenaan dengan Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu. Ini perlu saya rasa, dikaji dengan teliti oleh kerana aduan-aduan yang saya dapati, lesen-lesen memandu ini diluluskan kepada pengguna-pengguna walaupun ianya baru sahaja memohon lesen selama tiga bulan. Jadi, kalau selama itu dia baru sahaja memegang lesen L, ada yang mengiktirafkan lesen "laju" semasa dia memegang lesen "L", ada yang mengatakan lesen "lembu" dan sebagainya, perlulah Kementerian ini membuat satu kajian supaya benar-benar kepada penguji-penguji yang menjalankan ujian terhadap mereka yang diluluskan untuk memegang ataupun lesen yang diluluskan itu ianya betul-betul pandai menggunakan sama ada dari segi Undang-undang Jalan Raya dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Pengangkutan Udara, iaitu mengenai pengangkutan yang dijalankan oleh MAS.

Baru-baru ini di dalam penerbangan yang dilancarkan untuk mengangkut penumpang-penumpang yang menjalani perjalanan di antara Kuala Lumpur ke Jeddah kalau tidak silap saya sebanyak 53 penerbangan dilakukan dengan menggunakan penerbangan MAS, iaitu Boeing 747. Penumpang-penumpangnya dianggarkan lebihkurang 300 orang tetapi telah dimuatkan sebanyak 500 orang dan perjalanan yang digunakan daripada Kuala Lumpur ke Jeddah ini memakan masa selama 8 jam. Jadi, kedudukan penumpang-penumpang di dalam kapal terbang itu sangatlah tidak selisa, tidak dapat langsung pun menyandarkan badan untuk rihat dan didapati selama 8 jam itu hanya duduk tegak dengan tidak ada kerihatan

langsung. Jadi, ini harus juga diambil perhatian oleh Kementerian Pengangkutan ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh sedikit tentang apa yang saya dapat tahu berkenaan dengan kesesakan lalu-lintas yang ada di ibu kota Kuala Lumpur ini ataupun kota-kota besar di dalam negara kita.

Saya dapati sering waktu pagi umpamanya ataupun waktu petang, siaran-siaran daripada radio ada memberitahu berkenaan dengan kesesakan lalu-lintas di tiap-tiap bulatan di dalam bandar Kuala Lumpur ini. Saya mencadangkan supaya semua sistem, dengan izin, round-about ataupun sistem bulatan ini terus tidak diadakan sahaja kerana saya dapati sistem menggunakan lampu isyarat itu adalah lebih baik daripada sistem bulatan yang ada sekarang ini, masih ada lagi di ibu kota kita.

Saya rasa itu sahajalah, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong penuh di atas Anggaran Kementerian Pengangkutan yang sedang dibahaskan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya sebut Maksud B. 51, Butiran 1100, Program 1 (c) Majlis Keselamatan Jalanraya.

Saya sangat terperanjat mendengar tadi Yang Berhormat dari Bagan Datoh bertanya pihak Kementerian Pengangkutan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang di mana sesiapa yang ada terlibat dalam kemalangan (accident) akan dihukum mati dan saya rasalah rakyat jelata di Malaysia pun akan sangat terperanjat apabila dengar ada fikiran-fikiran semacam ini dilahir di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
(Bangun)

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri jalan, tadi dia tidak mahu beri jalan, sekarang saya tidak mahu beri jalan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya hendak penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.....

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya hendak penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri jalan. Tadi dia tidak mahu beri jalan, sekarang saya tidak mahu beri jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri jalan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini memainkan pandangan yang serius, janganlah kita menjadi satu "laughing stock" kepada rakyat kita. Di manakah dalam era ini bahawa sesiapa pun yang ada terlibat dalam kemalangan dihukum mati, tidak kira siapa salah. Saya rasa sangat malu apabila saya dengar oleh keranakan dijatuhkan kemuliaan dignity Dewan yang mulia ini dan tentulah saya percaya Kementerian Pengangkutan tidak akan menghiraukan fikiran-fikiran yang begitu tidak wajar, yang begitu shocking....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat menumpu kepada butir-butir di bawah.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, kalau Kementerian menerima cadangan ini, itu dahsyatlah. Itu susah negara kita (Ketawa), dan saya sangat takut nanti fikiran-fikiran ini diterima oleh Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri. Itulah....

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.....

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Pengerusi, itu sebab saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Masa sudah cukup. Saya mahu terus jalan (Ketawa). Boleh beri jalan tetapi masa tidak cukup.

Kedua, Tuan Pengerusi, di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan. Sekarang kita ada satu Kerajaan yang cogan kata ialah Bersih, Cekap dan Amanah, tetapi nampaknya di banyak Pejabat-pejabat JPJ baik pun untuk membaharui lesen-lesen apa jenis, lagi ada berlaku queue yang begitu panjang, pentadbiran yang tidak cekap dan pada satu masa ada pengumuman bahawa JPJ akan mengadakan banyak lagi sub-office supaya menyenangkan dan memudahkan orang ramai yang hendak membaharui berjenis-jenis lesen tetapi oleh kerana Kerajaan pun sekarang selepas Pilihanraya Besar tidak ada wang lagi, itu pun tidak diteruskan, tetapi saya harap bahawa JPJ dan Kementerian Pengangkutan boleh mengadakan satu sistem memperbaiki pentadbiran di setiap Pejabat-pejabat JPJ di seluruh negara, di Melaka atau di mana-mana komplek orang ramai masih banyak.

Kedua, nampaknya di JPJ ada beberapa tempat atau pejabatnya Pegawai Tempatan ada kuasa yang boleh digunakan sewenang-wenangnya tidak kira apa yang sebenarnya dilaksanakan oleh JPJ.

Satu contoh ialah di Pejabat JPJ di Melaka, orang yang hendak memohon lesen memandu untuk vehicle commercial, mereka untuk beberapa bulan dikehendaki untuk mengadakan satu ujian, sungguhpun ada satu pengumuman telah dibuat oleh Ibu pejabat JPJ bahawa untuk mendapat lesen memandu untuk vehicle commercial pemohon-pemohon tidak dikehendaki untuk mengadakan satu ujian dan saya sendiri pun ada menghubungi dengan pegawai kanan JPJ dan ini ada disahkan tetapi sebab diberikan ialah arahan yang baru belum disampaikan kepada JPJ di seluruh negara. Ini sudah beberapa bulan, tetapi ini masih lagi berlaku di negeri Melaka, yang menunjukkan bahawa JPJ, tangan kanan tidak tahu apa yang tangan kiri buat. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh membetulkan perkara ini supaya di negeri Melaka tidak berlaku keadaan di mana pemohon-pemohon perlu diuji untuk mendapat lesen pemandu untuk commercial vehicle.

Yang Kedua, Tuan Pengerusi, saya mahu sebut mengenai penerbangan—Air Transport dalam muka surat 501—Kod 1100 Program (2) Perancangan dan Pembangunan (Planning and Development) (b) Pengangkutan Udara (Air Transport). Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Melaka ada menyeru pihak Kementerian untuk memulihkan perkhidmatan udara negeri Melaka dengan Johor, Singapura dan lain-lain untuk menggalakkan perusahaan dan pelancongan. Saya harap bahawa dalam usaha untuk menggalakkan perusahaan perindustrian dan pelancongan bahawa negeri Melaka tidak diketepikan dalam usaha-usaha

memperbaiki perkhidmatan udara, bukan sahaja patut dipulihkan perkhidmatan udara antara Melaka dengan Senai/Singapura tetapi juga untuk memulihkan beberapa kali perkhidmatan udara diadakan setiap hari. Sekarang ada masa dua tiga hari tidak ada air service—suspended. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membetulkan perkara ini untuk matlamat menggalakkan pelancongan dan kemajuan ekonomi negeri Melaka.

Sekarang saya mahu sebut mengenai Keretapi Tanah Melayu (KTM)—dalam peruntukan KTM di bawah P. 51 muka surat 506. KTM ada synonymous dengan satu jabatan yang begitu tidak cekap dan licin. Sehingga hari ini kalau saya tak silap, KTM ada hutang \$500 juta iaitu wang pinjaman yang accumulated dan bunga yang accumulated kepada Kerajaan Persekutuan. Saya harap oleh kerana sekarang kita ada polisi Pandang ke Timur bahawa sekurang-kurangnya kita ada dasar untuk memodenkan sistem Keretapi kita lebih punctual dan lebih cekap. Di Jepun sekarang, Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan Menteri sudah berkali-kali pergi ke Jepun mengetahui di sana ada Bullet Train. Adakah kita ada rancangan pula untuk mengadakan Bullet Train yang begitu cepat, punctual, dan tidak seperti sekarang KTM melambangkan satu jabatan yang begitu tidak cekap dan licin?

Saya mahu sebutkan mengenai pelabuhan pula dalam muka surat 508. Saya lihat untuk Butiran 41 ada peruntukan \$100 juta dan untuk pelabuhan ini diperuntukkan bagi tahun ini sebanyak \$10 Token Vote. Saya mahu tahu adakah ini untuk menubuhkan satu pelabuhan baru di Kemasin di Kelantan? Saya mahu tahu sama ada pihak Kerajaan sekarang

mahu teruskan dengan program ini oleh kerana kalau saya tidak silap bahawa semasa perancangan pelabuhan di Kelantan, ada dua projek yang besar ialah Paper and Pulp Mill. Tuan Pengerusi, itu disebutkan sebagai clink-clink grinding, kilang untuk clink-clink grinding yang.....

Tuan Pengerusi: Apa itu clink?

Tuan Lim Kit Siang:clink-clink grinding yang membelanjakan beratus juta ringgit.

Dato Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Tak tahu—mahu itu pelabuhan, pergi tanya, balik tanya. Kalau kedua-dua projek ini.....

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, tunggu dulu.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Untuk penjelasan. Apa itu yang boleh tanya tadi?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh tanya, kenapa?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Apa itu clink-clink?

Tuan Lim Kit Siang: Clinkering grinding project.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Oh! clinkers.

Tuan Lim Kit Siang: Clinkers—clinkering grinding project?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Cakaplah betul-betul.

Tuan Lim Kit Siang: Atau.....

Tuan Pengerusi: Clinkers, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, clinkers, clinkering grinding project dan sampai sekarang itu belum kita tahu sama ada

di Kelantan adakah akan mengadakan clinkering atau tidak ada clinkering? Dan soal itu saya harap satu pengumuman boleh dibuat sama ada projek Pelabuhan Kemasin akan diteruskan oleh kerana di Pantai Timur sudah ada dua pelabuhan. Pertama, di Kuantan yang ada peruntukannya dan sampai hari ini pun belum dijalankan dengan seratus-peratus, sungguhpun jadual untuk menghabiskan atau sempurnakan Pelabuhan Kuantan sejak dua tiga tahun dahulu lagi. Lagi satu Pelabuhan di Tanjong Berhala, kalau tidak silap, dan sama ada perlu diadakan satu lagi pelabuhan di Kemasin? Dan di sini saya harap bahawa komplek-komplek orang ramai atau pengguna mengenai pelabuhan Pasir Gudang boleh dibetulkan oleh kerana kalau ada komplek-komplek yang banyak oleh pengguna di Pelabuhan Pasir Gudang tentulah ia tidak akan memberikan satu gambaran ataupun imej yang baik kepada satu Kerajaan yang bersih, cekap dan licin.

Dalam peruntukan ini pun ada beberapa peruntukan jeti-jeti di beberapa tempat iaitu Butiran 36, tetapi saya tidak nampak ada apa-apa peruntukan untuk Jeti di Melaka yang ada diumumkan oleh Kerajaan Pusat, baik pun oleh Kerajaan Negeri Melaka ataupun Kerajaan Pusat sampai sekarang jeti Melaka itu belum dibina sehingga satu tahap yang memuaskan. Saya harap bahawa Kementerian Pengangkutan boleh memberitahu Dewan ini sama ada projek untuk membesarkan Jeti-jeti di Negeri Melaka? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Arau.

6.48 ptg.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau): Tuan Pengerusi, saya bangun penyokong Maksud 51 dalam

Anggaran Perbelanjaan 1983 seperti yang tercetak dalam Kertas Perintah 21/1982. Dalam turut membahaskan Maksud 51 ini, saya hanya ingin menyentuh satu perkara di bawah Maksud Bekalan dan satu perkara di bawah Maksud Pembangunan Di bawah Maksud Bekalan 51 saya ingin menyentuh berkenaan dengan program (c) sahaja iaitu Majlis Keselamatan Jalanraya.

Tuan Pengerusi, banyak telah diperkatakan dalam Dewan ini pada petang ini berkenaan dengan keselamatan jalan raya, tetapi kerana dalam membahaskan dari hal Majlis Keselamatan Jalanraya sahaja, saya sedar bahawa mungkin saya tak boleh menyentuh hal-hal fizikal dan infrastruktur seperti jalan dan kereta-kereta sendiri. Jadi saya ingin menumpukan perhatian khusus kepada Kempen Keselamatan Jalanraya yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya. Tuan Pengerusi, sepertimana kita sedia maklum kadang-kadang kita rasa malu—malu kerana kalau dibandingkan dengan negara-negara lain nisbah kemalangan di negara kita kalau dikira mengikut jumlah kenderaan di negara kita amatlah tinggi dan bukan sahaja kita malu malah sentiasa kita tegang bila sahaja kita berada di atas jalan raya.

Saya hairan bagaimana banyak rakyat Malaysia, orang Malaysia yang sebegitu halus budi-pekerti, yang sebegitu sopan-santun, yang sebegitu tertib di rumah kita masing-masing bila di atas jalan raya macam cerita Dr Jackel and Mr Hyde—berubah, jadi seorang liar, yang kurang timbang-rasa. Bukanlah setiap pemandu kereta kita, banyak yang saya dapat perhatikan dalam hal ini. Jadi, nyata kepada Kempen Keselamatan Jalanraya ini kita cuba berikan message seperti “Pandu Cermat Jiwa

Selamat” tidak dihiraukan kerana terbukti orang Malaysia berani-berani belaka, tidak takut; di atas jalan raya itu jadi tempat menunjuk, dengan izin, mechismo (*Ketawa*).

Saya ingin mengesyorkan kepada Majlis Keselamatan Jalanraya itu ubah sikap, kita ubah penekanan dalam Kempen Keselamatan Jalanraya. Jangan kata “Pandu Cermat Jiwa Selamat”, kita tumpukan penekanan kita seperti dengan izin Tuan Pengerusi, kalau terkasar message yang kita hendak berikan supaya kalau tidak mahu dianggap kurang ajar pandulah dengan tertib. Itu cara message. Kalau kita kata takut, lagi kita menakutkan, lagi cepat, lagi machismo dia. Jadi saya harap Majlis Keselamatan Jalanraya ubahkan psikologi kempen ini sedikit ke arah sepertimana yang saya syorkan tadi.

Tuan Pengerusi: Cadangan itu baik juga untuk Dewan kita. (*Ketawa*).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Perkara kedua, Tuan Pengerusi, ialah Maksud P. 51, Keretapi Tanah Melayu. Saya dapat perhatikan di sini jumlah yang diperuntukkan untuk Keretapi Tanah Melayu ialah lebih daripada \$300 juta untuk pembangunan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan kerana berkeyakinan sepertimana saya juga berkeyakinan terhadap sektor pengangkutan keretapi ini, sebab memang ada masa depan untuk Keretapi Tanah Melayu memandangkan keadaan jalan raya kita sekarang ini dan kalaulah cepat sedikit, selamat sedikit, selesa sedikit ramai orang akan meninggalkan mengguna kereta apabila berjalan jauh dan menaiki keretapi, jadi saya mengucapkan tahniah sekali lagi.

Di sini saya ingin membangkitkan sedikit sepertimana diseru oleh Ketua Pembangkang tadi supaya kita juga

cuba tiru Jepun dengan cuba menggunakan keretapi seperti bullet train, tetapi hanya satu perkara yang saya agak Ketua Pembangkang terlupa, Jepun boleh pakai economy of scale, dia ada large population base, bolehlah dia guna bullet train. Population base kita 14 juta, berapa orang yang menaiki keretapi? Jadi, kalau kita hendak tanam capital expenditure yang banyak untuk mengadakan bullet train itu, kita hendak makan apa? Jadi, kunci perkataan-perkataannya, the operative words here are "economies of scale", dengan izin.....

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat beri atau tidak?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Masalahnya ialah sama ada boleh menarik lebih orang ramai menggunakan perkhidmatan keretapi, kalau keretapi boleh cepat, cekap tentulah boleh tarik penumpang-penumpang daripada sektor-sektor trafik lain dan tentu ini mungkin boleh membayangkan satu sistem yang lebih cepat, mungkin bukan 100% bullet train, tetapi kalau boleh 5%, itu sudah cukup, bukan?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Kalau begitu, saya faham Tuan Pengerusi. Jadi, itu juga kesedaran yang ditunjukkan oleh Kementerian ini bila diperuntukkan lebih daripada \$300 juta. Atas kesedaran inilah diperuntukkan wang lebih daripada \$300 juta hendak beri cepat sedikit supaya kita tarik yang 5% itu.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan!

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Boleh! (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Apa kita khuatir, apa kita takut ialah sungguhpun ada peruntukan \$300 juta, tetapi bukan lebih cepat, tetapi mungkin lebih lambat.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah berapa kali Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka naik keretapi, tetapi saya ini kerap juga, malah boleh kata tiap-tiap hujung minggu, kerana saya bimbang keadaan jalan raya tadi. Saya takut hendak pulang ke Perlis macam malam ini, kerana keadaan keselamatan jalan raya, maka saya selalu menggunakan keretapi, jadi selalu menaiki keretapi dan saya percaya kalau diganti sepertimana dirancang oleh Kementerian Pengangkutan ini dengan dipergunakan wang sebanyak lebih daripada \$300 juta ini, akan boleh kita tarik bukan sahaja setakat 5% seperti diperkatakan oleh Ketua Pembangkang tadi, 10%, 20%, 30% pun kita boleh tarik. (*Tepuk*) Jadi.....

Dr Koh Tsu Koon: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong minta laluan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Boleh!

Dr Koh Tsu Koon: Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada muka surat 506, Projek 16 dengan nyatanya mengatakan bahawa KTM ingin menambah kelajuan keretapi. Tetapi ada peruntukan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Itu satu lagi argument, in my favour, dengan izin. Jadi, sungguhpun kita bergelak sedikit, tetapi di belakangnya adalah hujah-hujah yang serius dan saya harap apa-apa teguran diberi perhatian oleh Kementerian tersebut. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih di atas

peluang berucap ini, saya sekali lagi menyokong Maksud 51 dalam Anggaran Perbelanjaan 1983.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat mahu sambung?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Pengerusi, minta izin saya hendak betulkan sedikit ucapan saya tadi, minta jalan hendak betulkan.

Tuan Pengerusi: Hendak betulkan apa?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tadi Ketua Pembangkang ada menyebut tentang saya minta Kementerian Pengangkutan menghukum mati orang yang membuat satu kesalahan melanggar walaupun tidak ada apa-apa salah.

Tuan Lim Kit Siang: Apa peraturan, kesalahan atau apa?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.....

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Jadi saya ingin betulkan.....

Tuan Pengerusi: Ini Peraturan Mesyuarat 25.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya ingin betulkan bahawa apa yang perkatakan itu.....

Tuan Pengerusi: 25.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Apa yang saya perkatakan itu, Tuan Pengerusi:.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak faham, saya tidak tahu apa peraturan yang baru, yang ada yang membolehkan penjelasan yang dibuat sehingga ada ucapan yang dibuat. Penerangan sendiri Tuan Pengerusi, bukan dalam masa sekarang tetapi

ialah kalau saya boleh rujuk (refer) kepada Order of Business. Order of Business.....

Tuan Pengerusi: Beri peluang Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan sebut 25, iaitu di bawah 14 (1) (1):

“14 (1) (1) selepas masa Soalan Jawab, sebelum Urusan Kerajaan, sebelum Usul”.

Dan kalau dia mahu buat personal explanation mahu tunggu hari Isninlah dengan izin Tuan Yang Dipertua, itu ikut Peraturan-peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat oleh kerana apa Yang Berhormat ingin beri penjelasan ada berkaitan dengan perkara yang kita sedang bincangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu personal explanation, tidak bersangkut. Ini saya minta ruling. Itu point or order berkenaan dengan procedure, saya minta ruling. Kalau boleh lain kali saya pun mahu, sebab itulah bukan personal, saya mahu minta satu ruling.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Dalam Peraturan Mesyuarat, dalam Jawatankuasa, Ahli boleh bercakap beberapa kali, jadi dengan sebab itu kalau kebenaran Tuan Pengerusi, dia boleh bercakap.....

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya minta sekarang.....

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Boleh bercakap beberapa kali.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang Peraturan Mesyuarat 25, saya mahu tanya.

Tuan Pengerusi: Saya beri peluang Yang Berhormat bercakap kali yang kedua, untuk penjelasan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, sekarang masa sudah lebih pukul 7.00 malam.....

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu teruskan mesyuarat sehingga 7.30 malam?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Apa yang saya maksudkan, dalam ucapan saya tadi.....

Tuan Pengerusi: Saya boleh menambah sedikit masa kerana gangguan yang banyak ini. (*Tepuk*) Ini hak saya sebagai Pengerusi.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Pengerusi, saya hendak menerangkan kepada Ketua Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini, bahawa apa yang saya perkatikan itu ialah kalau Kementerian Pengangkutan ini menganggap di masa yang akan datang bahawa kemalangan itu sengaja didapati kematian dan orang yang melanggar itu mestilah diambil hukuman yang setimpal, walaupun di dalam undang-undang negara kita

sekarang ini ada hukuman itu, tetapi bila dibawa ke mahkamah pe-mandunya tidak ada kena apa-apa. Itu yang saya kemukakan untuk ditimbangkan, bukan hendak dilaksanakan dengan membabi-buta. Saya tahu apa yang saya cakap ini.....

Tuan Pengerusi: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Ini Ketua Pembangkang asalkan dia nampak sahaja silap di situ dia hendak mengatakan kesalahan saya.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, penjelasan itu adalah cukup jelas.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya percaya kita semua puas hati.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu penjelasan atas penjelasan. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang Dipertua: Majlis ditangguhkan sehingga hari Isnin jam 2.30 petang, 29hb November, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.02 malam.